

# Buletin FIMK



Edisi Jun 2012

## PSM Title

*Choosing the Right*  
m.s.8

## 5S di Makmal

*Suatu Transformasi*  
m.s.18

## Phd Diary

*Keep Writing, Take Risks*  
m.s.20


## Tuhan

*Dalam Marah, Ada Kasih Sayang*  
m.s.42

## Prof Dr Shahrin

*Hilang di Mata, Dekat di Hati*  
m.s.44

T  
58.5  
.B84  
2012  
a  
v1



ISSN 2229-9351



9 772229 935005

# Isi Kandungan

02	Editorial
03	Secangkir Kopi
04	Bagaimana Menulis Artikel Majalah
05	PLE Towards Jigsaw
06	Kejohanan Boling Tenpin Piala NC USM
07	Microsoft Workshop
08	Choosing the Right Project for PSM Title
10	Roborace UTeM 2012
11	Taklimat Bengkel II
12	Carta Alir Penerbitan Buku Akademik
13	CTFL@UTeM
14	Netriders Malaysia 2012
15	Test It Right
16	Perlaksanaan ULearn di UTeM
17	Pameran Bengkel II
18	5S di Makmal
20	Perisian Sumber Terbuka dan Komersial
21	Mengimbas Sejarah Dinar Emas
22	Phd Diary : Keep writing, Take risks
24	What Is Hacking All About
26	ISODATA Clustering Technique
28	UAE, Dubai – Menarik Tertarik
29	Persoalan Menerusi Pantun
30	Info Grafik
32	Faedah Pengambilan Air Kosong
34	Usability
35	Berkebun di Rumah
36	Cerpen – Cikgu Muka Buku
39	Pelajar Kita
40	Kepimpinan – Perspektif Islam
42	Dalam Marah Pun Ada Sayang
43	Surat Untuk Prof. Shahrin
44	Hilang di Mata, Dekat di Hati

## Editor & Grafik

Erman Hamid

### Penulis

Dr. Hajah Norasiken Bakar  
Ahmad Fadzli Nizam Abdul Rahman  
Muhammad Syahrulazhar Sani  
Mohd Lutfi Dolhalit  
Maslita Abdul Aziz  
Erman Hamid

T58.5 .B84 2012 v1



87516009

# Pengurusan FTMK

## Dekan

Prof. Madya Shahdan Md Lani

## Tim. Dekan (Akademik)

Prof. Madya Dr. Faaiyah Shahbodin

## Tim. Dekan

### (Penyelidikan & P.Siswazah)

Prof. Madya Dr. Burairah Hussin

## Ketua Penolong Pendaftar

Encik Muhamad Sopian Baharom

## Penolong Pendaftar

Mohd Rady Ab Karim

## Ketua Jabatan

Prof. Madya Dr. Sazilah Bt Salam

Dr. Abd Samad Hassan Basri

Dr. Azah Kamilah Draman @ Muda

Dr. Mohd Faizal Bin Abdollah

Dr. Choo Yun Huoy

## Pengurus Makmal

Pn. Emaliana Kasmuri

## Editorial

## Penasihat

Prof. Madya Shahdan. Md Lani

## Penulis Tamu

PM. Dr. Faaiyah Shahbodin

PM .Dr. Burairah Hussin

Dr. Abdul Samad Hassan Basri

Dr. Choo Yun Houy

Dr. Ahmad Naim Che Pee

Dr. Burhanuddin M. Aboobaider

Dr. Nurul Akhmar Emran

Dr. Robiah Yusof

Dr. Sabrina Ahmad

Dr. Zuraida Abal Abas

Dr. Wahidah Md Shah

Asmala Ahmad

Abdul Razak Hussain

Ahmad Shaarizan Shaarani

Farah Nadia Azman

Haniza Nahar

Hidayah Rahmalan

Engr. Imran Mohd Ibrahim

Khairulnizam A. Rahman

Lela Omar

Norazlin Mohammed

Nor Azman Mat Ariff

Nor Haslinda Ismail

Najwan Khambari

Zahriah Othman

# Dari Meja Editor

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

**Buletin** FTMK menjengah kembali. Edisi pertama 2012 akhirnya menemui pembaca.

Seperti kebiasaannya edisi kali ini menampilkan aktiviti yang berjalan di dalam fakulti sepanjang 6 bulan pertama. Bermula daripada aktiviti berkaitan akademik, bukan akademik, lawatan, dan penulisan penyelidikan, sehinggalah kepada karya sastera warga FTMK telah termuat dalam edisi ini.

FTMK meneruskan 2012 dengan dua peristiwa besar, iaitu kepergian mantan Dekan, Prof. Dr. Hj. Shahrin Sahib ke KPT, dan pada masa yang sama menerima perlantikan Dekan baru, Prof. Madya Shahdan Md. Lani. Editorial Buletin FTMK mengucapkan selamat maju jaya dan berbanyak terima kasih kepada Prof. Dr. Shahrin atas khidmat bakti yang cemerlang kepada FTMK selama ini. FTMK juga pada masa yang sama melahirkan rasa bersyukur dengan perlantikan Prof. Madya Shahdan dan berjanji mengembang segala tenaga dan kekuatan yang ada demi meneruskan kecemerlangan FTMK.

**Editor**  
**Buletin FTMK**

## Secangkir Kopi



السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ

**Diam** tidak diam sudah separuh tahun kita harungi.

Pelbagai peristiwa telah kita tempuh pada separuh pertama 2012. Namun satu perkara yang masih tetap sama dalam perjalanan perkhidmatan kita sehari-hari, adalah dengan meneruskan kecemerlangan FTMK. Alhamdulillah, itu kita lihat ada dan berterusan, dan tampak terus segar bersama slogan 'FTMK Boleh' yang kita terus pegang sejak lama dahulu.


Elemen terpenting dalam memacu kejayaan organisasi adalah kerjasama, ketekunan dan sikap saling percaya dalam bertindak. FTMK yang cemerlang bertambah gemilang dengan adunan kepelbagaian insan yang sama-sama bergerak untuk memajukan organisasi yang kita junjung.

Fakta ini terpamer jelas pada kandungan Buletin FTMK kali ini dengan sorotan kepada aktiviti dan kerja keras kita sepanjang 6 bulan pertama 2012. Pengurusan fakulti mengambil kesempatan ini menghamburkan penghargaan kepada semua atas segala daya usaha, kesungguhan dan keikhlasan kita untuk sama-sama memajukan FTMK.

Besar harapan saya semoga semangat ini berterusan dalam memastikan FTMK menjadi terbilang.

Salam Hormat

**Prof. Madya Shahdan Md. Lani**  
Dekan, FTMK



# Bagaimana Menulis Artikel Majalah

Oleh : Erman Hamid

## *Menulis Artikel?*

Edisi terkini Buletin FTMK datang lagi. Itu yang biasa kita dengar bila setiap kali bulan ketiga mahupun bulan kelapan saban tahun. Biasa kita terbaca akan iklan memohon artikel untuk majalah rasmi fakulti kita yang secara rutinnya akan terbit setiap Jun dan Disember. Terdetik di hati kita untuk menulis. Tetapi, apa yang ingin kita tulis? Apa ceritanya? Bagaimana mengolahnya? Banyak mana perlu kita tuliskan? Mengenai apa dan untuk siapa? Terlalu banyak persoalan yang berlebar di benak kita yang akhirnya menyebabkan kita tidak menulis apa-apa. Kita jadi bantu untuk berkarya walaupun kita tahu, artikel tersebut hanya sekajang kertas sahaja. Untuk itu, artikel ini menelurkan secebis idea tentang bagaimana untuk menulis artikel untuk sebuah majalah. Ianya pasti berbeza dengan penulisan jurnal, kertas persidangan mahupun buku akademik. Penulisannya seharusnya lebih ringkas dan padat dengan pendekatan yang lebih mesra pembaca.

## *1. Pilih Tajuk*

Tajuk perlu tepat kepada apa yang kita mahu tuliskan. Tajuk yang meleret-leret dan terlalu panjang amat tidak sesuai.

## *2. Tahu Pembaca Anda*

Kita perlu sedar akan aras kedudukan pembaca sama ada peringkat asas, pertengahan, mahupun pembaca mahir. Sebagai contoh, jika anda menulis rencana tentang "Merangkaikan Komputer," maka pembaca kita yang baru dalam hal merangkaikan komputer boleh faham, dan pada masa yang sama peringkat pertengahan dan mahir boleh juga menerima ianya secara minima.

## *3. Buat Penyelidikan Ringkas*

Sejauh manakah kita tahu tentang topik? Adakah ia sesuatu yang kita boleh menulis dengan mudah tanpa persediaan ataupun perlu melakukan sedikit persediaan, atau ada keperluan untuk kita mendapatkan maklumat daripada pakar? Melawat perpustakaan, carian dalam talian ataupun menemuduga mungkin menjadi pilihan bagi kita mendapatkan maklumat.

## *4. Memutuskan Panjang Artikel*

Penerbit majalah dan akhbar sering akan memberi kita had berkaitan panjang sesebuah artikel, dan ini wajib kita patuhi. Tentukan perkara yang penting sahaja untuk dimuatkan ke dalam artikel. Ingat, artikel yang berjela-jela akan disunting oleh penerbit, yang kadangkala menyimpangkan maksud asal penulisan.

## *5. Menyediakan Garis Panduan*

Bukan semua orang menulis garis panduan penulisan sebelum menulis, tetapi ia boleh membantu anda untuk menyusun buah fikir. Mulakan dengan pengenalan yang membawa kepada titik utama, diikuti sekurang-kurangnya tiga perenggan badan, dan kesimpulan.

## *6. Draf Kasar Artikel*

Beritahu pembaca kita apa yang kita akan memberitahu mereka. Ini kata pemula. Contohnya: Artikel ini menerangkan bagaimana untuk merangkaikan komputer. Kita seterusnya perlu mengandaikan bahawa pembaca tidak tahu akan maklumat yang ingin kita sampaikan. Seterusnya penulisan boleh diteruskan berdasarkan draf kasar tersebut.

## *7. Memperbaikkan Artikel Anda*

Baca artikel kita dengan kuat dan berulang-ulang untuk memastikan apa yang kita tulis masuk akal. Tajamkan mata untuk mengenalpasti kesalahan ejaan atau miskin tatabahasa, dan pastikan kita memeriksa fakta sekurang-kurangnya dua kali.

## *8. Menulis Semula Artikel*

Menulis semula dan semula artikel seberapa kerap yang boleh kerana ianya mampu menambah baik kualiti artikel. Sebaik sahaja artikel telah ditulis dan ditulis semula, minta rakan yang boleh dipercayai untuk membaca karya dan pohonkan maklum balas yang membina daripada mereka.

## *9. Memasukkan Gambar*

Jika ia sesuai untuk format, masukkan gambar. Ia akan menonjolkan artikel dan mampu memberi kesan dramatik kepada pembacaan.

## *10. Hantarkan Artikel*

Pastikan artikel yang telah siap diberikan dihantarkan kepada editorial majalah untuk terbitan dan kita harus pasrah bilamana artikel tersebut ditolak oleh editorial.

# A Personal Learning Environment (PLE) Towards Active Learning with JIGSAW

Nuzulha Khilwani Ibrahim, Prof. Madya Dr Faaizah Shahbodin

## Introduction

This article is just to share a personal learning environment in class towards active learning; it is not about a small achievement, but it is just a start towards producing hopefully a better learning outcome for my students. The concern is more to the point to increase the amount of learning gained by the students as much as facilitating in the class.

## Target Group Details

Subject: BITI 1113 Artificial Intelligence

Students: 1st year students

Duration: 2 hours lecture + 2 hours tutorial

## Method: Step by steps

The steps have been customized from Sazilah et al. (2011) and some other previous studies. Its displayed in Figures A: PLE Implementation

Figures A: PLE Implementation

No.	Duration	Facilitators	Students
Lecture Session	2 Hours	To deliver an interactive lecture for the whole syllabus of the week.	To take note on each important point. Get ready to be picked up randomly for the reflection purpose. We may use CL techniques such as: focused listing, one minute paper, paired annotation, think-pair-share, three-minute review.
Tutorial Session	2 hours	Organized as follows	
1.	15 minutes	To tick attendance and recap previous tutorial	
2.	15 minutes	To tick attendance and recap previous tutorial	
3.	15 minutes	To tick attendance and recap previous tutorial	To pay attention and clearly understand on each question/ topic introduced.
4.	15 minutes	To tick attendance and recap previous tutorial	
5.	20 minutes	Facilitator will go around clarifying on expert matter.	To discuss finding and solution for a question in each expert group.
6.	30 minutes	Facilitator will go around confirming all correct information	Experts go back to home group and present to all members.
7.	10 minutes	Pop assessment, random picking	
8.	10 minutes	Closing and final session of Q&A	Leave feedback from home group submitted via a forum topic posted in ulearn.





*Universiti Sains Malaysia* telah mengadakan Kejohanan Tenpin Bowling Piala Naib Canselor Universiti Sains Pulau Pinang pada 28 Januari 2012 bertempat di Bukit Jambul Shopping Mall telah diwakili oleh beberapa orang staf FTMK iaitu Prof Madya Dr. Faaizah binti Shahbodin, PM Norhaziah Md. Salleh, Encik Ahmad Shaarizan bin Shaarini, Puan Lela Omar (Pengurus Pasukan) beserta beberapa orang staf dari FKM, FKE dan PPB bagi memeriahkan kejohanan tahunan anjuran USM.

## *Kejohanan* **Boling Tenpin** **Piala Naib Canselor** **Universiti Sains Malaysia**


Oleh : Lela Omar

### *Acara*

Kontingen UTeM telah memulakan perjalanan jam 1.00 tengahari pada 27hb Januari 2012 dan tiba di Kolej Kediaman USM jam 8.00 malam dan terus membuat latihan bagi pertandingan esoknya.

Walaupun tidak mendapat sebarang hadiah di kejohanan yang disertai oleh lebih 30 pasukan seluruh tanah air yang bertanding, kontingen UTeM tetap bermain bersungguh-sungguh di kejohanan tersebut.

Semoga semangat kesukaran yang tinggi akan dikekalkan. MAJULAH SUKAN DEMI FTMK WORLD!



# Microsoft Workshop

Oleh : Hidayah Rahmalan



## Preskripsi

Berlangsung dengan jayanya pada 24 dan 25 Mac 2012. Sekitar 40 orang pelajar FTMK telah mengikuti Microsoft Workshop bertempat di KLCC, Kuala Lumpur. Acara ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar yang bakal menyertai pertandingan Imagine Cup 2012. Para pelajar yang hadir diberi pendedahan mengenai cara – cara mengkomersilkan sesuatu produk menggunakan bisnes model pada hari pertama. Pada hari pertama juga, pelajar didedahkan dengan contoh aplikasi menggunakan 'Kinect'. Seterusnya pada hari kedua, para pelajar didedahkan dengan pembangunan sistem menggunakan 'Windows Phone.'



# Choosing the Right Project for 'PSM' Title

By Abdul Razak Hussain

## Why PSM is important?

In FTMK, final year undergraduate students must undertake and complete the Projek Sarjana Muda (PSM) or the final year project. The PSM as a whole may be considered as one of the most important subject, carried out individually, in the entire undergraduate study period. It consists of two inter-related subjects, namely Projek Sarjana Muda I (BITU 3973) and Projek Sarjana Muda II (BITU 3983) normally taken over two consecutive semesters. While Projek Sarjana Muda I (PSM I) focuses on the design and development side (system/application/prototype), Projek Sarjana Muda II (PSM II) focuses on the report writing.

The PSM is not only time-consuming and requires considerable effort from students, but also have a big impact on their career. Students may only realize the significance of the final year project at a much later time during the semester where they do not have time to correct it. As a result, their final year project became a half-baked application with scopes that are too broad or too narrow and does not function well as expected by the supervisors/evaluators. Subsequently, when the students go for job interviews, they lack the knowledge and persuasiveness to "defend" their project to the prospective employers and thus, failed considerably in the interviews. Therefore, it is imperative for the students to start their PSM early in order to avoid further frustration, conflict and possible study period extension. On the brighter side, PSM offers avenues for students to apply and explore what they have learnt during their study and provides opportunity for them to demonstrate their competencies and cultivate their creativity.

## Finding PSM Titles

Often times, students take for granted when it comes to choosing the PSM titles. If they are not attentive and decisive, they may drag their search for their PSM titles well into the third week of the semester. By that time, they are already bogged down with other deadlines and deliverables. Even though the students' respective departments may take the initiative to provide listings of faculty members and the suggested project titles, it is more advantageous for students to come up with the PSM titles themselves. In general, there are three processes a student can follow in choosing the right project title. It is title generation, title screening and title refinement.

### 1<sup>st</sup> Step: Title Generation

You can initially generate as many title ideas from the following:

- Observation
  - Current issues, colleagues.
- Experience
  - Previous subjects, trainings, projects, competitions.
- Suggestion
  - Faculty members, industry players, domain experts.
- Preliminary Search
  - Potential supervisor, books, academic literature, Internet, seniors.

## Preparing for the final-year project

APIT recently conducted a two-day showcase and exhibition of its best student projects. There was an exciting array of talks from both lecturers and students on various aspects of project management for the final year project.

The showcase, which is a biannual event, was on display at the APIT main campus in Technology Park Malaysia in Kuala Lumpur and attracted more than 500 visitors.

The projects are an opportunity for students to develop work that can show potential employers what they are capable of.

Students in the APIT Degree Programmes in B.Sc. (Hons) in Computing, B.Sc. (Hons) in Business Computing, B.Sc. (Hons) in E-Commerce and B.Sc. in Business IT – all areas of their degrees by Staffordshire University in UK.

APIT students learn not only to develop techniques in IT but also how they can present their ideas effectively as well as to work in the multi-skilled teams that industry demands.

The primary objective of the project showcase was to give students an idea of how to prepare their final-year projects.

The seminars received a very good response and some participants could not find seats due to the

## 2<sup>nd</sup> Step: Title Screening

you need to screen/filter the titles generated in the previous step based on the following:

### Know Yourself

- Interest - Are you really interested, excited, motivated to pursue a project in the selected domain?
- Commitment - Would you be able to put extra hard work? Sacrifice free time? Withstand unforeseen situations? Are you ready to give your best effort during the entire project duration?
- Enjoyment - Does the project offer you some sort of excitement or motivation?

### Problem

- Relevancy - Is domain related to your study program? (There may be cases of interdisciplinary or cross-domain projects)
- Significance - Is there really a problem to be solved or a situation to be improved? Will the project have an impact on society, business or the environment?
- Scope - Is the project too small or too big to be completed within the intended duration?

### Resources

- Data - Will real data be available? Or should hypothetical data be created?
- Academic literature - Will there be adequate/enough references? Can
- Domain expert - Will the expert be readily accessible/contacted?
- Laboratory facility - What will the status of the availability of hardware, software, other tools and technology?

### Knowledge

- Level of knowledge (self) - Gauge your knowledge level.
- Level of knowledge (potential supervisor) - Will you be able to get assistance from the potential supervisor?

### Ethical Issue

- Proprietary – Does the project involved copyrights – intellectual property?
- Confidentiality - Check if the project involved copyrights?
- Security - Does the project concerns with security issues?

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## 3<sup>rd</sup> Step: Title Refinement

In this stage, your title should possess the following criteria:

- Specific, clear, focused and achievable – When the scope is right then it deserves accomplishment.
- Originality – The more focused the scope/title, the more room you have for originality.
- Approval – Seek approval from your potential supervisor and the project committee.



# Roborace UTeM 2012

Oleh: Ahmad Fadzli Nizam  
Abdul Rahman

**2 Mei 2012**, Jabatan Komputeran Industri, FTMK sekali

lagi telah menganjurkan pertandingan Roborace UTeM 2012 bertempat di ruang lobi FTMK. Pertandingan roborace ini merupakan acara tahunan bagi Jabatan Komputeran Industri dan tahun ini merupakan tahun ke-5 penganjurannya. Sebanyak 13 pasukan yang terdiri daripada pelajar prasiswazah dari fakulti FKE, FKEKK, FTK dan FTMK telah bertanding dalam pertandingan kali ini.

Menurut Pengarah Pertandingan, Encik Asmala bin Ahmad, pertandingan kali ini mencapai objektif merangsang minat pelajar untuk menyelesaikan masalah menggunakan bahasa pengaturcaraan sekaligus mencetuskan minat terhadap bidang robotik.

Pada pusingan awal, 8 kumpulan dengan mata tertinggi dalam layak ke pusingan akhir. Pada setiap pusingan, peserta diberikan masa selama 20 minit untuk membangunkan program, strategi dan seterusnya melaksanakan robot untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Para peserta pertandingan ini juga telah diberi latihan oleh jurulatih yang merupakan Johan Pertandingan Roborace UTeM 2011 iaitu Cik Farawahida bt Zakaria, Cik Nurul Syazwani bt Suaidi dan Cik Nor Syuhada bt Mohamed Ganti. Latihan ini diberikan seminggu sebelum tarikh pertandingan untuk membiasakan para peserta dengan situasi pertandingan. Sebanyak 8 orang juri yang terdiri dari pensyarah fakulti FKE, FKEKK, FKM, FKP, FTK dan FTMK telah dilantik untuk mengadili pertandingan ini.

Majlis penutup pertandingan dan penyampaian hadiah ini pula telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Engr Profesor Dr Marizan bin Sulaiman, Penolong Naib canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

Nexus dari FKEKK muncul juara diikuti dua wakil FTMK iaitu Velky dan FTMK-1. Tahiah kepada semua pemenang dan peserta.



# Taklimat Bengkel II

Hidayah Rahmalan, M. Syahrul Azhar Sani

## Jawatankuasa

Bengkel II telah menjalankan Taklimat Bengkel II pada 13 April 2011. Acara dimulakan di Dewan Seminar FTMK dengan taklimat secara umum oleh Pengurus Bengkel II Pn. Hidayah Rahmalan dengan menekankan kepentingan subjek Bengkel II yang diadakan secara berkumpulan.

Pelajar seterusnya diperkenalkan dengan jawatankuasa yang terdiri daripada En. Muhamad Syahrul Azhar Sani (Setiausaha), Dr. Sabrina Ahmad (Ketua Unit BITS), En. Erman Hamid (Ketua Unit BITC), En. Mohd Fadzil Zulkifli (Ketua Unit BITD) Pn. Norazlin Mohammed (Ketua Unit BITM), Cik Nuzulha Khilwani Ibrahim (Ketua Unit BITI), dan En. Mohd Hafiz Bin Zakaria.

Pelajar kemudian dipecahkan mengikut bidang pengkhususan masing-masing dan berkumpul di bilik kuliah 1-5. Taklimat yang lebih terperinci berkaitan perlaksanaan Bengkel II mengikut kursus kemudiannya diberikan oleh ketua unit masing-masing.

Antara pembaharuan yang dilakukan pada subjek ini ialah pembentukan kumpulan bagi pelajar ditentukan oleh Jawatankuasa Bengkel II. Di dalam pembentukan kumpulan, faktor yang diambil kira adalah dari segi pencapaian akademik (CGPA), kaum dan jantina. Jawatankuasa cuba menggabungkan pelajar-pelajar yang mempunyai prestasi yang baik, sederhana dan lemah di dalam kumpulan yang sama. Faktor kaum dan jantina juga diambil kira. Tujuannya adalah supaya pelajar dapat belajar untuk menguruskan kumpulannya berdasarkan kerja dan matlamat yang ingin dicapai. Ini akan memberi pendedahan seperti bekerja di dalam sesebuah organisasi apa bila mereka bekerja kelak dimana mereka akan bercampur dengan pelbagai golongan, jantina dan kaum untuk menjayakan matlamat organisasi.

# Carta Alir Penerbitan Buku Akademik

Oleh : Erman Hamid


## Jawatankuasa

Penulisan Universiti (JKPU) telah merombak prosedur penerbitan buku akademik UTeM. Rombakan ini melibatkan perubahan pada proses penerbitan sesebuah buku akademik.

Amalan sebelum ini, penulis perlu menghantar terus manuskrip yang ditulis kepada Penerbit Universiti. Manuskrip seterusnya diperiksa oleh jawatankuasa yang dilantik oleh Penerbit Universiti untuk dinilai sebelum diserahkan balik kepada penulis untuk proses pembaikan atau terus bawa kepada proses percetakan.

Kini, fungsi Penerbit Universiti telah diagih sama kepada dua entiti lain iaitu Jawatankuasa Penerbitan Universiti (JKPU) dan Jawatankuasa Penerbitan Fakulti (JKPF).

Manuskrip perlu diserahkan kepada JKPF terlebih dahulu untuk melalui proses penyemakan dan apabila siap, akan diserahkan oleh JKPF kepada JKPU untuk semakan kali kedua sebelum akhirnya diserahkan kepada Penerbit Universiti untuk urusan cetakan sahaja.



# CTFL@UTeM

Oleh : Nor Haslinda Ismail

**Januari 2012**, UTeM telah menandatangani Memorandum of Agreement (MOA) di antara Malaysia Software Testing Board (MSTB) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di wakili oleh Fakulti Teknologi Maklumat Komunikasi (FTMK). Memorandum perjanjian ini adalah bertujuan untuk menjalinkan kerjasama dari segi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan serta meningkatkan daya saing graduan di pasaran dengan memberikan pengetahuan sampingan yang relevan. Kerjasama di antara kedua- dua pihak dapat di manfaatkan oleh pelajar, ahli akademik dan pengamal industri melalui pendedahan kepada isu serta teknologi pengujian perisian semasa.



## Kerjasama

Melibatkan tujuh universiti yang terpilih antaranya Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Universiti Kuala Lumpur (UNIKL).

## Memorandum

Persefahaman ini juga menyatakan kesemua universiti memperolehi faedah di antaranya pelajar mereka yang mengambil subjek pengujian perisian dapat mengambil kursus dan di tauliahkan sebagai penguji profesional setelah lulus peperiksaan yang di ambil. Program ini dikenali sebagai Certified Testing Foundation Level atau CTFL. Ini selaras dengan matlamat fakulti di mana pelajar yang akan bergraduat sekurang-kurangnya memperolehi satu sijil professional.

Program yang buat pertama kalinya berlangsung selama 5 hari bermula 9 sehingga 13 April 2012 yang lepas telah melibatkan seramai 30 pelajar jurusan kejuruteraan perisian (BITS). Pelajar yang telah terpilih untuk mengikuti program ini dipilih berdasarkan pencapaian yang baik di dalam subjek Software Testing & Quality Assurance pada semester lepas. Program ini dilaksanakan secara bersama dengan pihak Malaysia Software Testing Board (MSTB) di mana trainer untuk sesi tutorial selama 4 hari dilaksanakan oleh Mr. Aman dari India dan hari terakhir adalah hari peperiksaan.



## Harapan

Di harapkan program seperti ini akan terus dilaksanakan pada semester hadapan bagi memberi peluang khususnya kepada pelajar memperolehi sekurang -kurangnya satu sijil professional apabila bergraduat kelak.



# UTeM Tuan Rumah NetRiders Malaysia 2012

Oleh : Nor Azman Mat Ariff, Mohd Najwan Khambari, Erman Hamid

**CISCO** NetRiders Challenge Malaysia 2012 kali ke 7 telah diadakan di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada 7 April 2012. UTeM telah terpilih menjadi tuan rumah berdasarkan kepada penglibatan aktif pada edisi yang lepas. Pertandingan ini merupakan anjuran bersama oleh Cisco System Sdn. Bhd., Multimedia Development Corporation (MDeC) dan UTeM. Objektif pertandingan ini adalah untuk memilih peserta yang akan mewakili Malaysia ke pertandingan Cisco NetRiders peringkat Asia Pasifik, disamping menguji kemahiran peserta dalam bidang rangkaian. Ia terbuka kepada semua para pelajar seluruh Malaysia di peringkat Sarjana Muda dan Diploma.

Pada edisi kali ini, seramai 240 peserta yang terdiri daripada pelajar UTeM, MMU, KTAR, UiTM, UMP, UTM, UNiKL, ADTEC, Politeknik Ungku Omar, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Politeknik Sultan Idris Shah, Politeknik Mersing, Politeknik Mukah, Politeknik Kuching dan Kolej New Era telah mengambil bahagian. Peserta UTeM terdiri daripada Alryana Toong Siew Wa, Juanna Beh Jen Ann, Khoo Wen Xin, Muhammad Affandi B. Azizan, Mohd Sazli b. Moh Sahaimi dan Zawawi b. Embong bagi kategori Diploma serta Naim b. Hadi Darsono, Omar muhktar b. Hambaran, Lim Sok Ming, Muhsin Zainul Arifin b. Wan Ab Aziz, Syahmi Zakir b. So'ot, Eng Wei Sy, Gan Hock Seng, Noornadia Hafiza bt. Zulkifli, Norsuhaini bt. Ahmad Razi dan Wan Ahmad Faris b. Wan Ibrahim bagi kategori Degree.

Bermula jam 8.00 pagi, para peserta sudah memenuhi kaunter pendaftaran dan kemudian mengambil tempat di Dewan Seminar FTMK untuk ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh presiden Cisco Academy Council Malaysia, Prof. Madya Ruhani Ab. Rahman. Tepat jam 9.00 pagi taklimat pertandingan dibacakan oleh pengacara majlis Cik Zakiah Ayop. Seperti pada edisi yang lepas, pertandingan ini terbahagi kepada 2 pusingan iaitu ujian teori yang berlangsung pada 9.30 hingga 10.30 pagi dan ujian simulasi packet tracer yang disambung pada 10.45 pagi hingga 12.15 tengahari.

Pada sebelah petangnya pula, berlangsung Industry Talk dari syarikat IT yang mengambil bahagian. Upacara penutup dimulakan dengan ucapan yang disampaikan oleh Yg. Bhg. Prof. Dr. Shahrin bin Sahib@Sahibuddin, selaku Dekan FTMK dan ucaptama dari Ms Ng Wan Peng, Chief Operating Officer (COO) MDeC. Acara yang paling dinantikan oleh semua iaitu pengumuman pemenang telah menyaksikan peserta dari KTAR telah mengungguli peringkat Degree manakala bagi peringkat Diploma tempat pertama telah digondol oleh peserta dari Kolej New Era. Walaupun peserta dari UTeM tidak memenangi pertandingan, penyertaan mereka ke pertandingan tersebut dapat memberi pendedahan dan pengalaman yang berharga buat mereka semua. Semoga pada edisi akan datang, UTeM dapat kembali menampilkan peserta yang dapat mengungguli pertandingan ini sekaligus mewakili Malaysia ke peringkat Asia Pasifik. Akhir kata, ucapan terima kasih diberikan kepada semua jawatankuasa pertandingan peringkat FTMK yang telah bertungkus lumus memastikan program ini berjalan dengan lancar.



Oleh : Nor Haslinda Ismail

# Test It Right



## Matlamat

**Tangal** 18 dan 23 November 2011, pelajar BITS Tahun 3 yang mengambil subjek Software Testing & Quality Assurance telah berpeluang untuk menghadiri *Industrial Visit* ke Quality Laboratory Malaysia atau Q-Lab beralamat di Puchong, Selangor. Q-Lab merupakan salah satu hub di dalam Malaysian Software Testing Board (MSTB) program di mana ianya membantu membangunkan komuniti penguji profesional di samping menjalankan kerjasama dengan universiti yang menawarkan program yang berkaitan dengan pengujian perisian dengan memberi kemudahan dari segi penggunaan perisian dan peralatan pengujian.

Matlamat lawatan ke Q-Lab ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar mengenai teknologi terkini yang digunakan di dalam pengujian perisian. Di samping memberi pendedahan menyeluruh terhadap situasi sebenar alam pekerjaan yang berkaitan dengan pengujian perisian serta menyediakan wadah untuk para pelajar untuk bertanyakan sebarang kemosyikilan berkaitan dengan pengujian perisian kepada individu yang pakar dalam bidang tersebut. Di harapkan lawatan pembelajaran ke industri ini dapat menjalinkan hubungan yang baik dengan pihak industri terutamanya pihak Q Lab Malaysian Testing Board secara amnya.

## Q-Lab?

Is a test centre strategically located in Puchong. The Q-lab is a world-class testing facility that is part of the Malaysia Software Testing Hub program built to assist in the development of Malaysia's professional testing community. The Q-Lab specifications include:

- Area size of 6,500 sq. feet
- Furnished with state-of-the-art test tools and test equipment
- Able to accommodate 120 professional testers
- Has the capacity to run up to 10 testing projects concurrently





@e.02052012

Authentication :

User name

Password

Enter

FTMK FKE FKM FKEKK FKP FPPT PBPI FTK

ANNOUNCEMENTS

## Perlaksanaan ULearn di UTeM

Oleh : Dr. Hajah Norasiken Bakar

**e-Pembelajaran** adalah persekitaran elektronik yang berpusatkan pelajar dan pembelajaran bertujuan meningkatkan keberkesanan proses dan prestasi pengajaran dan pembelajaran. Skop e-Pembelajaran adalah untuk instruksi (pengajaran & pembelajaran) yang dikendalikan melalui media elektronik dan sistem rangkaian komputer bertujuan meningkatkan keberkesanan proses pengajaran & pembelajaran. Sistem Pengurusan e-Pembelajaran (ULearn) adalah perisian sistem pengurusan berarahan yang mempunyai komponen seperti berikut Komponen Kandungan atau Bahan Kursus (Content Tools), Komponen Pensyarah, Komponen Pelajar, Komponen Penilaian, Komponen Komunikasi, Komponen Pentadbir dan Komponen Pentadbir Sistem.

**Fakulti** Teknologi Maklumat dan Komunikasi


(FTMK) telah membangunkan ULearn dengan kerjasama dari Pusat Komputer untuk menjadi urus setia kepada Jawatankuasa Tetap Senat e-Pembelajaran yang bertanggungjawab menguruskan pelaporan perancangan, pemantauan dan pelaksanaan e-Pembelajaran kepada Mesyuarat Senat Universiti. Di samping itu menyedia dan menyelenggara infrastruktur perkakasan, rangkaian, perisian dan sokongan yang berkaitan dengan ULearn, menjamin keselamatan serta integriti data dalam ULearn, membuat salinan data setiap semester dan disimpan selama 2 tahun dan mengurus dan menyelenggara ULearn serta memberikan sokongan teknikal terhadap penggunaannya.



**Setiap** fakulti di UTeM juga terlibat dalam pelaksanaan ULearn dengan menukuhan Jawatankuasa Pelaksana ICT/e-Pembelajaran, memastikan tahap perlaksanaan e-Pembelajaran dipatuhi untuk semua kursus yang ditawarkan oleh Fakulti disediakan secara atas talian melalui ULearn, memastikan pensyarah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan pengajaran dan pembelajaran yang dimasukkan dalam ULearn dan mengemaskini dari masa ke semasa. ULearn bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran bagi semua mata pelajaran yang ditawarkan oleh UTeM di peringkat prasiswazah dan siswazah.

**Jawatankuasa** e-Pembelajaran (ULearn) FTMK

telah menganalisa data penggunaan ULearn bagi Tahun 2011 didapati seramai 74 orang staf akademik telah menghadiri latihan dalam e-pembelajaran pada 2011, terdapat lapan e-kandungan telah dibangunkan oleh staf akademik, terdapat 291 subjek telah menggunakan uLearn dalam mod blended learning daripada 403 subjek yang ditawarkan, seramai 4757 pelajar berdaftar di uLearn daripada 6398 pelajar UTeM, manakala nisbah bilangan komputer dengan bilangan pelajar yang boleh mengakses ke talian ialah 1:3 dan maklumat yang terakhir ialah keboleh sediaan liputan 100% secara berwayar dan 70% tanpa wayar (kawasan berpenghuni) dalam kampus UTeM.



**Pameran** Bengkel II telah berlangsung pada 21 disember 2011 dan diadakan selama satu hari. Pameran ini telah memberi pendedahan yang berguna kepada para pelajar untuk bersaing dengan kumpulan pelajar lain yang terlibat dalam mempamerkan, sekaligus menerangkan hasil projek di khalayak ramai. Pelajar yang terlibat adalah dari kursus BITM, BITS dan BITI di mana penilaian dibuat ketika pameran tersebut dan panel luar akan dijemput untuk membuat penilaian. Namun, pada Pameran Bengkel tahun 2011 ini, buat pertama kalinya dalam sejarah, pelajar BITC dan BITD turut terlibat dalam Pameran Bengkel II kali ini.

Buat julung kalinya juga, Pameran Bengkel II tersebut diadakan di Makmal Statik bagi pelajar pengkhususan BITM, Makmal Mesin bagi pelajar pengkhususan BITI dan Makmal Lukisan Kejuruteraan 1 dan 2 menempatkan pelajar pengkhususan BITC, BITD dan BITS. Kesemua makmal ini berada di bangunan FTMK dengan tujuan memberi kesempatan kepada pelajar-pelajar lain untuk hadir melihat dan merasai pengalaman sebagai persediaan kepada mereka untuk menghadapi Bengkel II akan datang.

Seramai 4 kumpulan terbaik daripada keseluruhan pelajar BITC dan BITD telah melepassi peringkat saringan awal dan dibawa masuk ke Pameran Bengkel II untuk mempamerkan projek Bengkel II masing-masing. Setiap kumpulan pelajar BITC telah mempersembahkan projek pembangunan rangkaian komputer masing-masing dengan cara dan kaedah masing-masing. Pelajar terbabit telah mempamerkan poster yang menerangkan struktur dan rekabentuk pembangunan sistem dan rangkaian komputer dan pada masa yang sama menjelaskan dengan baik kerja-keras mereka dalam Bengkel II selama ini. 4 kumpulan pelajar BITD turut mempamerkan hasil kerja mereka di mana pelajar BITD dikehendaki menghasilkan satu sistem menggunakan 2 operasi sistem berlainan iaitu Linux dan Windows, diikuti menggunakan 4 perisian pangkalan data berlainan iaitu Oracle, SQL Server, MySQL dan PostgreSQL. Bagi pelajar pengkhususan BITS pula, seramai 17 kumpulan yang terlibat dalam Pameran Bengkel II. Penilaian hasil kerja mereka adalah dalam bentuk sistem dan juga poster, di mana penilaian sistem mereka dinilai oleh pegawai sistem maklumat dari Pusat Komputer UTeM, manakala penilaian poster dinilai oleh 2 pensyarah FTMK terpilih.

Pada Pameran Bengkel II kali ini, bertambah menarik apabila terdapat ibubapa yang turut hadir bagi memberikan sokongan moral kepada anak mereka. Ramai juga pelajar yang datang tidak kiralah sama ada di atas kerelaan diri atau dipaksa oleh pensyarah masing-masing. Sungguhpun begitu, kegembiraan jelas terpancar di muka pelajar kerana dapat mengutip cenderahati dan pemanis mulut (jajan) daripada setiap meja khususnya apabila mereka menjengah pameran pelajar Media Interaktif. Hirupikuk pelajar menyelubungi suasana pameran memberi impak positif kejayaan Pameran Bengkel II tersebut.



Terdapat 15 kumpulan pelajar bagi kursus BITM yang terbahagi kepada 3 domain produk yang berbeza iaitu animasi 2D, animasi 3D dan juga video yang dipamerkan. Bagi kursus BITM, mereka bukan sahaja perlu membuat demonstrasi produk, mereka juga perlu menghasilkan bahan kreatif yang juga dinilai semasa pameran seperti rekabentuk t-shirt, bunting dan mini calendar atau stiker dan bahan kreatif lain yang dirasakan sesuai. Kesungguhan mereka dalam menghiasi meja pameran mengikut tema produk yang dihasilkan amatlah dipuji dan menambah keceriaan di bilik pameran. Mereka juga diwajibkan memakai t-shirt yang telah direkabentuk oleh mereka sendiri. Terdapat 3 pilihan warna t-shirt pada pameran kali ini iaitu mengikut domain iaitu biru (video), oren (animasi 3D) dan merah (animasi 2D) memudahkan pensyarah, hakim dan pelajar mengenalpasti bentuk produk yang dihasilkan disamping menambah keceriaan ruangan pameran. Dengan adanya pameran ini, kesemua pelajar bertungkus lumus untuk menghasilkan produk yang berkualiti, kreatif dan berdaya saing bagi merebut gelaran johan bagi setiap domain. Selain itu, bahan kreatif yang dihasilkan juga turut dipertandingkan. Produk dan bahan pameran pelajar ini dinilai oleh panel luar yang dijemput daripada MMU, UNIKL dan penerbit UTeM. Penggunaan panel luar diharapkan dapat memberikan maklumbalas, cadangan dan komen yang membina kepada pelajar serta memastikan produk yang dihasilkan memenuhi kehendak industri.

Pameran bagi kursus BITI pula terbahagi kepada kategori robot dan agen pintar. Antara robot yang digunakan ialah Arm Robot, Lego Robot, Microcontroller Boebot dan KUKA Robot. Antara projek yang dihasilkan menggunakan robot-robot tersebut ialah Magic Hand, KUKA KR5, Transferring Process, E-Packaging, Vending Machine, Chemical Management, Lego Pacman, Tomb Survival dan Bomb Squad. Terdapat 2 kumpulan yang menghasilkan projek agen pintar dengan tajuk Smart Golf System dan Air Pollution Monitoring System. Makmal Dinamik FTMK meriah dengan bukan hanya dengan pelbagai jenis robot tersebut, malah penuh dengan gelanggang-gelanggang robot, permainan robot, lengkap dengan trek serta peralatan Golf sekali. Semua projek tersebut dinilai daripada panel-panel luar dan dalam fakulti yang dilantik tidak termasuk daripada mana-mana penyelia projek tersebut. Projek BITI tahun ini juga merupakan kumpulan pertama yang mendapat bantuan daripada fasilitator yang terdiri daripada para pelajar tahun akhir dari Jabatan Mekatronik, Fakulti Kejuruteraan Elektrik.

Pameran berakhir pada jam 2 petang dengan majlis penutup dan penyampaian oleh Y.Bhg. Dekan Prof. Dr. Hj Shahrin Shahib. Sangat banyak kenangan dan memori pahit manis mereka menyiapkan projek tampak berakhir baik dengan wajah lega semua pelajar.

# 5S di Makmal

Oleh : Khairulnizam A. Rahman

## Pengenalan.

Satu metodologi amalan penjagaan kebersihan makmal dengan menyusun, membersih, membangunkan dan mengekalkan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematis dan praktikal.

# 5S?

### Seiri (Sisih)

- Menyisih dokumen/ peralatan makmal yang tidak aktif dengan yang masih aktif.
- Sisih atau asing adalah proses kerja mengasing barang yang perlu daripada sekumpulan barang yang tidak perlu ke tempat kerja.
- Proses pengasingan ini membantu dalam menentukan barang yang mungkin tidak diperlukan sekarang tapi boleh digunakan pada masa hadapan. Untuk itu peralatan haruslah disimpan di tempat simpanan yang sesuai.

### Seiton (Susun)

- Menyusun dokumen/ peralatan makmal supaya mudah di gunakan.
- Menyusun dan melabel dilakukan setelah kesemua barang yang tidak diperlukan diasingkan.
- Ini dilakukan bertujuan memudahkan penggunaan dan penyimpanan.
- Susunan barang dilakukan mengikut kumpulan yang sama.
- Dengan demikian, ia membantu mencepatkan proses bagi mendapatkan sesuatu apabila perlu.
- Menyusun bertujuan menjimatkan ruang supaya kemas teratur.


### Seiso (Sapu)

- Membersih ruang makmal dan ruang kerja serta peralatan kerja.
- Bertujuan membersihkan kekotoran yang melekat di lantai dan barang-barang yang telah disisih dan disusun.
- Selain dari meningkatkan efisien kerja, menyapu juga boleh mempertingkatkan tahap keselamatan di makmal dan peralatan yang digunakan.
- Membuatkan pekerja akan merasa lebih selesa apabila bekerja dalam persekitaran yang bersih dan segar.

### Shitsuke (Amal)

- Mengamalkan selalu aktiviti sisih,susun,sapu dan seragam.
- Amalan ini dapat disemai dalam diri individu dengan memberi tunjuk ajar menerusi program latihan secara berkala dan mengamalkan budaya nasihat-menasihat

“ 5S merupakan alat merangsang daya produktiviti dari Jepun, diperkenalkan oleh Dr. Thuchiya ”





## 5S : Sebelum dan Sesudah

SEBELUM	SELEPAS
Kerusi rosak di dalam makmal	Kerusi rosak telah di keluarkan dari makmal
Aksesori bersepeh	Aksesori telah di simpan di dalam almari dan di label
Meja komputer tidak berlabel	Meja komputer telah berlabel
Kotak kabel bersepeh	Kotak disusun dan telah di label



### Rumusan

Secara keseluruhannya dengan mengamalkan 5S, makmal akan sentiasa sedia digunakan pada bila-bila masa yang diperlukan dalam keadaan yang lebih selesa dan selamat. Ini adalah satu cara berkesan bagi mewujudkan persekitaran

tempat kerja yang berkualiti untuk menaikkan imej Fakulti dan Pengurusan Makmal secara amnya. Dengan cara ini akan membantu mendisiplinkan diri dan seterusnya menjadikan satu amalan yang cemerlang dikalangan juruteknik dan penguna makmal.

Sokongan dan komitmen pihak pengurusan Fakulti dapat mewujudkan suasana yang menyemarakkan pelaksanaan amalan 5S. Selain mampu memberi kesan yang berpanjangan ia akan memberikan hala tuju dan keputusan terbaik untuk memastikan amalan 5S dapat dilaksanakan dalam makmal FTMK.

# Perisian Sumber Terbuka & Komersial

Oleh : Prof.Madya Dr, Burairah Hussin

## Konsep

Perisian sumber terbuka bukanlah perkara baru yang perlu diperkenalkan kepada kebanyakkan pengguna-pengguna komputer. Ia telah lama wujud mulai era 80an, namun kurang mendapat perhatian kerana ketika itu kebanyakkan pengguna komputer agak kurang yakin terhadap keupayaan konsep perisian sumber terbuka dan sokongan kepenggunaannya walaupun ianya percuma. Tambahan pula ia memerlukan kemahiran atau literasi teknikal yang agak tinggi untuk menggunakannya. Justeru itu, perisian komersial terus menjadi pilihan walaupun pengguna terpaksa membayar caj lesen yang tinggi.

Namun, keadaan ini sudah mula berubah. Hari ini memasang suatu perisian sumber terbuka begitu mudah seperti memasang perisian "windows" yang biasa digunakan. Sokongan terhadap perisian sumber terbuka juga mudah dicapai dan difahami melalui forum-forum perbincangan mengenai sesuatu perisian sumber terbuka yang terdapat di laman-laman web. Tambahan pula, kekerapan pengeluar perisian komersial menaikkan taraf versi perisian masing-masing sebagai satu strategi perniagaan dan mengenakan caj lesen perisian yang tinggi amat tidak menyenangkan pengguna.

Sebab-sebab yang dinyatakan ini bukanlah satu-satunya faktor penarik yang menyebabkan kenapa perisian sumber terbuka mula kembali menjadi perhatian. Banyak lagi faktor-faktor lain yang dipertimbangkan oleh kebanyakkan pengguna komputer sebelum beralih kepada perisian sumber terbuka. Sila rujuk ([www.opensource.mimos.my](http://www.opensource.mimos.my)).

Umumnya, matlamat sesuatu perisian itu dibangunkan adalah untuk membantu pengguna melancarkan lagi pekerjaan mereka. Justeru itu sama ada perisian sumber terbuka atau perisian komersial yang digunakan, matlamat penggunaannya mestilah jelas dan penguasaan terhadap perisian tersebut amatlah penting. Maka, tujuan artikel ini ditulis adalah untuk memperlihatkan perbandingan di antara perisian sumber terbuka dan perisian komersial yang boleh digunakan oleh seseorang yang mempunyai literasi komputer untuk berubah angin atau mencuba sesuatu yang baru dan percuma. Kesemua perisian sumber terbuka ini boleh dimuat turun ke komputer melalui internet dan yang paling penting ianya PERCUMA.

Direktori Perisian	Perisian Komersial	Perisian Sumber Terbuka
Sistem Pengoperasian Aplikasi Pejabat Pembangunan Aplikasi Web Pengkomputeran Pangkalan Data Aplikasi Grafik Pelayar Internet Pemindahan Fail Email Multimedia Antivirus Utiliti sistem	WindowsXP, Windows7, Microsoft Office Adobe Dreamweaver MATLAB Oracle, Access Adobe Photoshop Internet Explorer CuteFTP Microsoft Outlook Windows Media Player Kaspersky Anti-Virus Adobe Acrobat Reader	RedHat, Fedora, Apache OpenOffice CMS: Joomla, Drupal Scilab MySQL Gimp Firefox, Opera FileZilla Thunderbird 2.0 VLC Media Player Clam, AVG Ghostview

# Mengimbas Sejarah Dinar Emas

Oleh: Dr. Zuraida Abal Abas

Dinar telah digunakan sejak berkurun yang lepas sebelum zaman kegemilangan Islam bermula. Penggunaan dinar adalah sejak zaman Empayar Roman Byzantine dimana perkataan dinar itu sendiri adalah berasal dari bahasa Latin iaitu denarius. Penggunaan dinar emas di bumi Arab bermula dengan masyarakat arab Jahiliyah kemudiaanya ketika Nabi Muhammad SAW menjadi Rasul dan sehingga pada zaman Bani Umayyah. Pada awalnya, masyarakat arab jahiliyah tidak mempunyai mata wang sendiri untuk menjalankan urusniaga, oleh itu mereka menggunakan dinar emas Heraclius Byzantine yang berasal dari Negara Syam. Apabila Nabi Muhammad SAW dipilih menjadi Rasul, dinar dan dirham telah diangkat menjadi matawang rasmi urusniaga sektor ekonomi kerana terdapat keseragaman bagi tujuan memudahkan urusniaga, dimana rekabentuk Islam dalam penempaan dinar dan dirham telah dilaksanakan. Selain itu, pengiktirafan dinar emas sebagai matawang Islam di zaman Rasulullah SAW dapat dilihat dalam hadis berikut:

Abī Sa'īd al-Khudri berkata "Rasulullah S.A.W telah bersabda: Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma dan garam dengan garam dipertukarkan dengan sama, segenggam dengan segenggam. Sesiapa yang menambah atau meminta tambah, maka ia telah melakukan riba, baik yang meminta mahupun yang memberi, dalam hal itu sama saja." (Sahih, Muslim)

Dari hadis di atas ialah emas salah satu dari logam berharga diiktiraf sebagai matawang, yang mempunyai nilainya yang tersendiri dan sah kerana ianya adalah komoditi yang dicipta oleh Allah.

Khalifah Saidina Umar r.a telah menetapkan piawaian 1 dinar adalah bersamaan dengan emas 916 atau 22 karat seberat 4.25 gram. Pada tahun 76H khalifah Abd Al-Malik bin Marwan pada zaman Bani Umayyah telah diktiraf oleh Ibn Jarir al-Tabari dan Ibn al-Athir sebagai perintis menempa dinar dan dirham dalam unsur-unsur Islam kerana beliau telah mencetuskan rekaan ukiran rekabentuk Islam yang khusus tanpa wujudnya elemen –element Byzantine dan Parsi pada permukaan mata wang.

Penggunaan dinar emas bukan sahaja terhad pada tanah Arab, malah penggunaannya tersebar luas di Eropah sewaktu pemerintahan Islam di Andalusia, Sepanyol. Umat Islam Andalusia pada tahun 716M telah mula menempa dinar emas dengan ukiran bahasa Arab yang ditulis "Muhammad Rasulullah" serta mencatatkan nama "Andalusia" iaitu tempat dinar tersebut dibuat dan tahun ianya diperbuat [4]. Ukiran tulisan Latin yang bersesuaian dengan kehidupan masyarakat Islam Andalusia turut terdapat di belakang dinar emas.

Setelah berakhir empayar Islam di Andalusia, sejarah juga menunjukkan masyarakat semasa pemerintahan Kristian di Sepanyol, utara Afrika, Arab dan Perancis masih meneruskan penggunaan dinar emas selama lebih 400 tahun, dari kurun ke-13 hingga 16. Penggunaan dinar dalam sejarah Islam terus bertahan pada masa kegemilangan Uthmaniah di Turki 1299M 1924M dan berakhir setelah kejatuhan Uthmaniah. Pada 1992, dinar emas pertama Eropah kembali ditempah di Granada, Sepanyol.

Dinar emas telah lama digunakan sejak sebelum zaman Rasulullah S.A.W. Malah ia merupakan mata wang utama pada ketika itu. Ianya berkembang sehingga ke Eropah, Rom, dan Asia. Namun, sistem ini telah ditukarkan kepada sistem wang fiat oleh barat dan penggunaan emas dan perak telah diharamkan. Ini membawa kepada masalah dalam sistem kewangan dan ekonomi. Wang fiat tidak mempunyai nilai intrinsic yakni tiada sandaran kepada sesuatu yang diyakini kestabilannya bahkan hanya bergantung kepada kepercayaan kedudukan ekonomi sesebuah negara kuasa ekonomi dunia sahaja. Ini mencetuskan pelbagai masalah seperti inflasi, riba, gharar, penipuan, dan penindasan. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk memperkenalkan semula kepada masyarakat supaya mula menggunakan emas dan perak dalam kehidupan harian mereka.

# Phd Diary


*Keep writing, Take Risks*  
It is the only way to keep going

By Dr. Nurul Akmar Emran

"Only those who will risk going too far can possibly find out how far one can go."

T.S .Eliot

The screen was blank. Nothing can be written after two hours sitting in front of the screen. I started to subscribe with the thought that "I must be dumb" for the failure to write a single word in spite of being in a conducive, peaceful-quiet surrounding. I was asked to produce a technical report describing the software prototype developed by my co-supervisor together with a critical explanation of its limitations. The intention of this exercise was explicit, which was to discover the limitations of the work which eventually will become the basis of my investigation.




To understand the semantic of the given task was trivial and somehow predictable, given that you got a chance to read some how-to-do-PhD books, or someone is generous enough to share their experience dealing with supervisors. Nevertheless, to craft and to hone a well-researched piece is hard. I wished there will be a moment that the enjoyment of putting together an array of thoughts can be accomplished without much deliberation in writing, but yet that piece of writing succinctly conveys the idea across. The question is why writing is hard? As far as I could reflect, there are two things that make writing challenging for me.




**Only by having the rubbish version of a piece of writing you can start polishing the written thoughts and patching the 'holes'**

Criticizing supervisors' work is one hard thing to do. This is because there is uncertainty on what is going to happen with the good relationship that you anticipate lasting at least until the viva day, soon after you disclosed the unfavorable-criticisms. Also, you cannot tell whether you criticized the right thing, with the right level of decent explanation, or not. The cultural reason that tells us that it is impolite to argue with your teacher has deep influence in shaping our behavior towards exercising the ramifications of 'disobedience' acts.

Writing with the goal to impress or to earn trust from the supervisors is another reason that makes writing hard. With such attitude, I tended to hold true that a piece of writing needs be perfect for the first time it reaches the supervisors. I got no clues from where this crazy idea was coming from- It might be from the genes I inherited from my ancestors, or someone during my upbringing must have thrown the idea without me realizing it. In its materialization, this crazy idea was indeed an ugly sabotage to me, making me feel more insecure as things turned out to be disappointing (or humiliating) rather than pleasing and encouraging. Self-esteem degraded dramatically not only because perfection is impossible for the first timers, but also the meaning of a perfect piece of writing differs from one person to another. I.e. a perfect piece of writing for a person is a sloppy version of it for another.



Writing job was indeed an invisible mind torture for me. It is associated with immeasurable, uncertain risks that I must prepare to hold up. Before things reach a stagnant plateau as a result of idling in the comfort zone, something must be done to rejuvenate the writing progress. I've learnt, the only way out is to keep writing regardless how 'rubbish' the writing is. One important lesson is: Don't try to be perfect. Only by having the rubbish version of a piece of writing you can start polishing the written thoughts and patching the 'holes', which hopefully can help you not only to survive, but to thrive the whole PhD process. Last but not least, I am wishing you all the best in keeping up the good spirit of writing!



## Hacker Jargon

**Hacker** - Person who enjoys exploring the details of programmable systems and how to stretch their capabilities.

**Hacking** – Entering a network which is intended to be private (illegal). Involves infringement degree on the privacy of others or damage to computer-based property.

## Why people hack?

- Access
- Exploration
- Fun
- Showing Off

## Pros and Cons of Hacking

### Pros

- Aware on possible loopholes of the system.
- Fun and can enjoy services that are paid.
- Can see private information.
- Hacking is good for FBI computer forensics because it can help to keep us safe.

### Cons

- Media often presents the individuals in a glamorous light.
- Adolescents fantasize about their degree of technological skills & lacking the social skills required to be accepted well.

## Types Of Computer Hacking

- White hat
- Black hat
- Grey hat
- Hacktivist
- Script Kiddie
- Cyberterrorists

# What Hacking is all about

By Dr. Robiah Yusof and Cyber Group

## Hacking Tools

Port Scanners	Malicious Applets and Scripts
Vulnerability Scanners	Logic Bombs
Rootkits	Buffer Overflow
Sniffers	Bugs in software
Trojan Horse	Holes in Trust Management
Password Crackers	Social Engineering
Denial of Service Tools	Dumpster Diving
Stealth and Backdoor Tools	

## Classification of Hacking Toolkits

Procedures	Toolkits
Reconnaissance	Scanners, Social engineering, Dumpster diving
Probe	Scanners, Sniffers
Toehold	Spoofing tools, Malicious applets and scripts, Buffer overflow tools, Password crackers, Software bugs, Trojan horses, Holes in trust management
Advancement	Password crackers, Software bugs
Stealth	Stealth and backdoor tools
Listening Post	Stealth and backdoor tools, Sniffers and snoopers, Trojan horses
Takeover	Scanners, Sniffers, Spoofing tools, Malicious applets, Buffer overflow tools, Password crackers, etc.

Hacking is an illegal habit. People should always educate themselves and get a decent firewall to prevent them from being victims.



## Hacking Technique

Attacks from the Internet	Attacks from employees
Uses the Nessus vulnerability scanner to locate a system running Solaris 2.6 OE that has not been protected from the sadmind remote procedure call (RPC) service vulnerability.	Employee has user access privileges to the system but the employee is not authorized to have root access privileges.
After the hacker gains access, the hacker uses a rootkit to gain and maintain root access.	Occurs when accounts are left logged on and systems are insecure, thus providing an intruding employee the opportunity to perform unauthorized actions.
Hacker runs the exploit from a Solaris OE system against the Solaris 2.6 OE system	Malicious users and intruders can use buffer overflow attacks to gain root privileges.
Hacker establishes a Telnet connection to the port	After compiling with the freeware GNU gcc compiler, the executable is placed on the test system ganassi. Now that the attacker has root privileges on the system

## How can we know that we have been hacked?

Browser Changes

Changed Password and Settings

New Software

## Hacking Phases



## Attack against the Internet Infrastructure

### Attacks against DNS

- The DNS (Domain Name System) is a distributed database to provide mapping between host names and IP addresses.
- DNS attack lies in that the attacker controls a DNS server for the target zone.
- These attacks may allow to make any malicious forward and inverse mapping.


### Attacks against TCP/IP

- TCP/IP is the basis for data transmission in the Internet.
- An attacker can predict the TCP sequence number to construct a TCP packet without receiving any responses from the server and thus impersonate a trusted host.
- An attacker can also hijack a TCP connection to disconnect the target from the server by using sniffing method.
- At the IP layer, attacker can exploit the holes inside the ICMP protocol which involved redirect message which is used by gateways to advise hosts of better routes.
- ICMP used for Distributed Denial of Service attacks (DDoS).

## Classification of Hacking Toolkits

### Functional Classification


Functions	Toolkits
Information Gathering	Scanners, Sniffers, Backdoors, Social engineering, Dumpster diving .
Remote Exploit	Spoofing tools, Malicious applets, Buffer overflow tools, trojan horses, Holes in trust management
Local Exploit	Password crackers, Software bugs
Dos	Denial of service attack



# Land cover mapping from space based on ISODATA Clustering Technique

By: Asmala Ahmad

**ISODATA** (Iterative Self-organising Data Analysis) clustering is an unsupervised classification method that assumes each land cover class obeys a multivariate normal distribution. It requires the class means and covariance matrices for each class. It follows an iterative procedure that attempts to find the cluster centres in the data, then aims to cluster the full set of data into a number of clusters. Initially, both approaches assign arbitrary cluster centres and the cluster means and covariances are calculated. Each pixel is then classified to the nearest cluster. New cluster means and covariances are then calculated based on all the pixels in that cluster. This process is repeated until the change between iterations is "small enough". The change can be quantified either by measuring the distances the cluster mean has changed from one iteration to the next or by the percentage of pixels that has changed between iterations.



**Figure 1:** (a-h) The ISODATA cluster maps for five, six, seven, eight, nine, ten, eleven and twelve classes respectively.

In this study, Klang, Selangor, which covers approximately 840 km<sup>2</sup> within longitude 101° 10' E to 101°30' E and latitude 2°99' N to 3°15' N, was chosen as the study area due to having variety of land covers. The main land covers identified were urban, industry, oil palm, rubber, dryland forests, coastal swamp forest, cleared land and sediment plumes. Six bands of Landsat 5 TM satellite dated 11 February 1999, i.e. bands 1-5 and 7 (ranging from visible mid infrared wavelengths measurements) were used as the main data. Before carrying out ISODATA clustering, the number of clusters we needs to be defined here uses values from 5 to 12. After the clustering process ended, the clusters were manually labelled to the nearest match, based on a reference map (produced from ground survey).

ISODATA clustering generates a cluster map with clusters assigned to arbitrary colours. In the labelling process, each cluster was matched to a class (or classes) from the reference image and given a specific colour so that at the end of the labelling process, classes (i.e. single or multiple) that exist in the cluster map can be easily recognised by their colours. This was performed for all the cluster maps. Figure 1 shows the results of ISODATA clustering when the number of clusters was varied from 5 to 12. The main shortcoming of the 5-, 6- and 8- cluster maps is that they cannot separate coastal swamp forest and dryland forest.

## What Is ISO Data?

**I**SO data refers to a popular disc image file format. ISO files are used to create digital copies of a disc. There are many uses for ISO files, including software backup and distribution.

By Ashley Poland, eHow Contributor

In the 7-cluster map, some fractions of dryland forest were assigned to coastal swamp forest class (and vice versa). For these reasons, the 5-, 6-, 7- and 8- cluster maps were discarded from further analysis. For the 9 to 12 cluster maps, some classes were represented by more than one cluster, so a manual cluster merging process was carried out before further visual analysis was made. In the 9-cluster map, the red and maroon clusters were combined to represent the urban class. In the 10-cluster map, the red and maroon clusters were combined to represent urban class and the yellow and cyan clusters were combined to represent the oil palm class. In the 11-cluster map, the red, maroon and magenta clusters were combined to represent the urban class, while the blue and cyan clusters were combined to represent the dryland forest class..

Class	Assigned colour	Area (%)
Cleared land	Dark purple	17.4
Urban	Red	16.6
Oil palm	Yellow	35.6
Water	Light blue	11.7
Coastal swamp forest	Green	8.0
Industry	Light green	2.0
Dryland forest	Blue	6.6
Sediment plumes	Dark green	2.0




Figure 2: The final result of the ISODATA clustering.

In the 12-cluster map, the blue and cyan clusters were combined to represent the dryland forest class, the red, maroon and light purple clusters were combined to represent the urban class and the dark purple and magenta clusters were combined to represent the cleared land class. The 10-cluster map was able to cluster the pixels that correspond to the major classes (viz. water, coastal swamp forest, dryland forest, oil palm, cleared land, bare land, urban and sediment plumes) better than other cluster maps (Figure 2), thus is more preferable. When compared with the reference map by means of a confusion matrix, the 10-cluster map yielded an overall accuracy of 93.1%, with kappa coefficient 0.91, indicating a good agreement. The size of the classes in term of percentage of the whole study area was also computed.

#### Advantages of ISODATA

- Don't need to know much about the data beforehand
- Little user effort required
- ISODATA is very effective at identifying spectral clusters in data

Iterative  
Self-  
Organizing  
Data  
Analysis  
Technique  
yAy!

- ISODATA is a method of unsupervised classification
- Don't need to know the number of clusters
- User defines threshold values for parameters
- Computer runs algorithm through many iterations until threshold is reached

# UAE, Dubai : Menarik Tertarik

Oleh: Haniza Nahar

**Semua** orang pasti mempunyai pengalaman indah tatkala melawati tempat-tempat menarik samada luar negara maupun dalam negeri. Di sini, saya suka berkongsi perjalanan saya ke Dubai, UAE pada awal Januari tahun ini.

"Sejuk giler...", itulah perkataan pertama yang keluar dari mulut saya apabila keluar dari di Dubai Terminal 3 International sekitar jam 11.45 malam. Difahamkan, ketika itu suhu mencecah 7°C dan waktu siang pula sekitar 22°C. Ketibaan kami disambut baik oleh kakak ipar yang kebetulan ada sesi temuduga disini dan kenalannya iaitu pasangan suami-isteri, Dr.Syafiz dan Prof. Madya Dr. Hayati dari UOWD. Kami dipelawa bermalam di apartment mereka yang terletak hampir dengan Palm Jumeirah.

Keesokan harinya, setelah selesai makan tengahari di kediaman mereka, kami dibawa melawat ke tempat-tempat menarik sekitar Dubai Fasa II sebelum mendaftar masuk ke hotel pada petang nanti. Secara umumnya, perancangan pembangunan Bandar Dubai boleh dikatakan sangat baik dan ianya terbahagi kepada 3 fasa utama. Fasa I dikenali sebagai *Old Dubai*, Fasa II iaitu *New Dubai* yang mana tersugam indah bangunan-bangunan tinggi pelbagai bentuk dan Fasa III menempatkan kawasan perindustrian sebelum ke Abu Dhabi.

Antara tempat-tempat menarik yang sempat dilawati sekitar New Dubai iaitu Burj Al Khalifa - digunakan untuk filem Mission Impossible Ghost Protocol, Burj Al-Arab -hotel tepi Pantai Jumeirah, Palm Jumeirah – dimana terletaknya Atlantis The Palm dan penempatan kediaman artis luar negara, *Jumeirah Mosque*, *World Map Island* dan Souk Madinat Jumeirah – tempat membeli belah. Kami juga tidak melepaskan peluang ke pusat membeli belah terbesar di UAE seperti The Mall of Emirates – terdapat aktiviti ski (*Ski Dubai*), Ibn Battuta Mall –setiap ruang mewakili 7 negara terpilih, *Dubai Mall* – bersebelahan dengan Burj Al Khalifa dan kebiasaan sekitar jam 7 malam para pengunjung pasti berkumpul menantikan persembahan *Dubai Fountain*. Uniknya air pancut akan seirama dengan lagu yang didendangkan.

Manakala di *Old Dubai*, pasar atau "souk" yang kami dikunjungi seperti Spice Souk -terdapat pelbagai rempah ratus dan beras basmati, Gold Souk - puluhan kedai emas dan pasti ada yang rambang mata melihatnya, Dubai Museum – percuma dan Heritage Village - rumah asal penduduk Dubai. Yang pastinya, jubah antara barang wajib bagi saya untuk dibeli dan ianya berbaloi dari segi harga dan pilihan.





Bagi memanfaatkan pengalaman ini, kami mengatur perjalanan disini dengan baik. Hampir semua jenis kenderaan dinaiki termasuklah abras – sampan 1 dirham, *water taxi* – 3 dirham *return ticket*, metro – LRT canggih dan ringkas dengan dua kod laluan merentasi Bandar Dubai, teksi – ke Jebel Ali Resort & Golf Club bagi aktiviti merentasi ruang udara Dubai menaiki SeaWing dan bas – sehingga ke luar Bandar Dubai dimana sempat kami melihat Labour Camps bagi pekerja-pekerja asing. Bagi melengkapi perjalanan kami ke Dubai, aktiviti Seawing merupakan pilihan terbaik kami bagi melihat Dubai secara menyeluruh dari udara.

Suasana malam Dubai diceriakan dengan persembahan bunga api sekitar jam 8.30 malam setiap hari. Perkara menarik perhatian seperti perhentian bas berhawa dingin, lambakan masjid, sesi rehat sekitar jam 2 sehingga 4 petang dimana tiada aktiviti niaga dilakukan dan kesemua masjid dikunci bagi menghalang dari orang ramai berehat di dalamnya. Ketegasan peraturan pihak berkuasa juga sangat jelas dimana terpampang senarai kesalahan dan kompoun di sekitar Bandar dan Metro Station. Saya pernah menyaksikan kejadian dimana pemandu kereta didenda sebanyak 150 Dirham (sekitar RM 140) hanya kerana kesalahan meletakkan kereta pada dua ruang parking. Bercerita tentang tol pula, lagi canggih. Al Zayed Highway Road hanya mempunyai 1 tol RFID sehala dimana pemandu tidak perlu berhenti dan tetap memandu pada kelajuan biasa apabila melewati ‘pintu gerbang’ tol tersebut.

Secara asasnya, saya percaya pengalaman yang dikongsikan ini adalah hasil perancangan yang teliti dan peluang yang diberikan. Ditambahkan lagi, perjalanan pergi/balik menaiki Emirates Airlines selama 6 jam tidak terasa lama kerana lebih daripada 100 *channel movie, games, tv programmes* dan *flight-camera view* menjanjikan terbaik dan menarik bagi saya.

# Persoalan Menerusi Pantun

Mohd Lutfi Dolhalit

**Dalam** hidup kita ni kan adakalanya kita selalu mempersoalkan sesuatu perkara. Maka di sini marilah kita mempersoalkan perjalanan cerita serangkap pantun yang biasa kita dengar iaitu pantun “Dua Tiga Kucing Berlari..”

*Dua Tiga Kucing Berlari,  
Manakah Sama Si Kucing  
Belang,*

*Dua Tiga Boleh Ku Cari,  
Manakah Sama Tuan Seorang*

## Pergoalannya:

- Berapa ekor kucing kah yang sebenarnya berlari..dua atau tiga?
- Mengapakah kucing-kucing ini tidak sama dengan si kucing belang? Kerana perbezaan corak larian kah atau si kucing belang itu mempunyai belang?
- Apakah yang dicari itu kucing atau manusia? Jika kucing memang la tak sama dengan manusia.
- Mengapakah “tuan seorang” nak disamakan dengan dua atau tiga orang? Memanglah tidak sama..
- Apakah keistimewaan sebenar “tuan seorang” berbanding dua atau tiga orang lain?
- Mungkinkah panggilan “tuan seorang” itu bermaksud panggilan hormat si pemantun kepada TUANnya?


P/S: Belajar lah ilmu yang betul untuk kegunaan di jalan yang betul, janganlah belajar ilmu yang betul untuk kegunaan di jalan yang salah atau belajar ilmu yang salah untuk kegunaan di jalan yang salah atau belajar ilmu yang salah untuk kegunaan di jalan yang betul.

# Serlahkan CV anda dengan InfoGraphic

Oleh: Farah Nadia Azman

**Curriculum Vitae (CV)** ataupun resume merupakan satu dokumen profesional yang merumuskan tentang diri anda disertakan dengan kemahiran, pengalaman dan pencapaian anda secara keseluruhannya. Kandungan CV anda perlulah tampil hebat, menyerlahkan keupayaan anda bagi membolehkan anda mencapai matlamat masing-masing sama ada ketika memohon melanjutkan pelajaran ke universiti pilihan, memohon profesi impian, kenaikan pangkat ataupun merebut jawatan khas dalam sesebuah organisasi.

Namun, dalam situasi di mana saingen sengit sering berlaku dalam industri, majikan mungkin menghadapi masalah memeriksa beribu-ribu timbunan CV yang dihantar oleh para pemohon. Maka, salah satu *trend* yang mulai digunakan oleh pemohon masa kini agar CV mereka lebih menonjol daripada yang lain adalah dengan mempersempahkan resume mereka melalui infografik.



Penggunaan infografik bertujuan agar data penting yang berkaitan dengan diri anda disampaikan secara visual supaya ianya lebih menarik dan mudah difahami. Ini melibatkan pencapaian, tugas, evolusi dan keefisyenya kemahiran, peristiwa penting, quotes diri anda, minat dan sebagainya, bergantung kepada maklumat yang diperlukan organisasi.

Antara cara termudah membangunkan CV infografik anda sendiri adalah dengan memilih isi-isi utama dari resume sedia ada, lalu laksanakan analisis bagaimana anda dapat mentransformasikannya dari teks asal yang barangkali membosankan ke dalam bentuk grafik yang ringkas tetapi padat. Pisahkan kandungan ke dalam seksyen atau kategori CV infografik berdasarkan panduan berikut:

### **Gunakan Carta**

Graf, carta bar dan pai adalah rajah visual yang sesuai untuk menggambarkan kemahiran anda berdasarkan tahap kompetensi. Melalui carta, majikan dapat melihat proses kerja atau perkembangan kerjaya dan peratusan skillset anda.

### **Gunakan Timeline**

Dengan menggunakan kreativiti anda sendiri, elemen *Timeline* dapat memberi majikan satu gambaran tentang jelas perjalanan, peningkatan dan perkembangan kerjaya anda.

### **Gunakan Nombor**

Salah satu tarikan ketika membentangkan CV infografik kepada penemuduga adalah dengan menggunakan nombor. Nombor tidak perlulah sentiasa besar, tapi cukup *eye-catching* bagi menonjolkan kreadibiliti anda.

### **Sampaikan Cerita Anda**

Ketika majikan menyelak resume anda dari bahagian atas hingga ke bawah, mewujudkan satu persekitaran seperti mereka sedang mengikuti kisah anda. Siapakah anda? Apakah sumbangan anda? Apa keputusan dan hasil projek anda? Apakah parancangan masa depan anda? Bagaimana kejayaaan anda sebelum ini dapat membantu majikan anda? Jika perlu, masukkan gambar ke dalam CV infografik anda.

### **Usulan dan Testimoni**

Ibarat surat akuan atau ruang testimoni pelanggan, sediakan satu bahagian untuk menampilkan ulasan oleh bekas majikan, ketua, pensyarah atau kenalan ke dalam CV infografik anda. Pilih ulasan dan *recommendation* terbaik yang anda terima dari mereka.

### **Aplikasikan Typefaces**

*Font* san serif memberi impak kesederhanaan dan kelihatan kemas dalam sebuah CV infografik. Elakkan dari menggunakan lebih daripada 3 warna bagi teks anda. Sebelum menyerahkan CV infografik anda, cuba cetaknya dalam format *monotone* atau buat salinan fotostat. Walaupun resume yang berwarna-warni kelihatan menarik sekali imbas, anda perlu memastikan CV infografik juga jelas dicetak dalam bentuk *greyscale*.

### **Ikon dan Hak cipta**

Ikon ialah elemen visual yang sangat berkesan dalam menggantikan penyampaian maklumat melalui teks. Masukkan juga logo dan butiran membolehkan majikan menghubungi anda melalui alamat surat menyurat, emel, laman web serta rangkaian sosial. Pastikan anda memohon lesen Creative Commons sebelum mengedarkan CV infografik anda kepada pengguna internet.

Bagi individu yang mempunyai kemahiran terhad menghasilkan CV infografik menggunakan perisian grafik seperti Adobe Illustrator, kini terdapat alternatif lain seperti *visualize.me*, *re.vu* dan *tool* atas talian yang lain. Dengan cara ini, anda boleh menjana CV infografik profesional anda sendiri hanya dengan memasukkan data anda ke dalam aplikasi tersebut. Mulakan hari ini. Tingkatkan potensi kerjaya anda dan timbulkan keistimewaan anda dengan CV infografik.

### **achievements**

MEDIABETIS  
Your Sweetest Media Strategy

Baguio City  
0-15.000

Best Awards 2008  
PUP

Scale Concert

Art Director

Graphic Designer

Production Assistant

Over-all Coordinator

Production Head

Creative Director

31

FRANCIS HOM

65 Mercado Central  
Concepcion, M

+02948

31\_kie\_sixteen\_darthrix.deviantart.com

BULETIN

FTMK

Graphic Designer

Mini ADK

1st and 2nd Best

Client: Stabi

ADCLASH 2009

Business Mi

Best TVC, RC, Print Ad, and I

ASPEAK 2 Ph

Junior AD

Best

31

Client: Stabi

# Faedah Pengambilan Air Kosong

Oleh: Dr. Robiah Yusof

## Asas penjagaan kesihatan

Maklumat yang telah lama diketahui umum ialah 70 peratus dari tubuh badan kita terdiri daripada air. Otak dan darah merupakan dua organ utama yang dikenalpasti mempunyai kadar air melebihi 70 peratus. Otak kita dikenalpasti mengandungi air sebanyak 90 peratus manakala darah pula 95 peratus. Secara normal, sehari kita memerlukan air sebanyak 2 liter atau 8 gelas. Untuk perokok, jumlah air tersebut perlu ditambah sebanyak 1 liter lagi. Air ini diperlukan untuk menggantikan air yang telah dikumuhkan oleh sistem badan melalui proses perpeluhuan, pernafasan dan perkumuhan. Para doktor juga telah menggalakkan agar kita semua mengambil 8 – 10 gelas setiap hari untuk memastikan metabolisma badan berjalan dengan lancar dan normal.

Sekiranya pengambilan air kita kurang dari 8 gelas sehari, kesannya pada awal memang tidak kelihatan. Ini adalah kerana tubuh badan kita akan cuba menyeimbangkan diri dengan mengambil sumber air dari komponen tubuh kita sendiri seperti dari darah. Ianya akan menyebabkan darah menjadi pekat dan tugas darah sebagai alat pengangkutan oksigen dan zat-zat makanan akan terganggu. Untuk jangka masa yang panjang, ianya amat berbahaya ke atas tubuh badan kita. Darah yang pekat ini akan melepas organ buah pinggang yang bertindak sebagai alat untuk menapis racun dari darah. Buah pinggang mempunyai sistem penapis yang sangat halus dan ianya perlu bekerja lebih kuat untuk menapis darah yang pekat ini. Akibatnya, kemungkinan besar buah pinggang akan rosak dan hemodialisis perlu dilakukan.

## Kelebihan

### Melancarkan sistem pencernaan

Pengambilan air yang mencukupi setiap hari akan melancarkan sistem pencernaan. Kita akan terhindar dari masalah-masalah pencernaan seperti sembelit. Tambahan pula, pembakaran kalori akan menjadi lebih berkesan.

### Rawatan Kecantikan

Akibat kekurangan minuman air kosong, tubuh akan menyerap kandungan air dalam kulit dan mengakibatkan kulit menjadi kering dan berkerut. Air kosong dapat melindungi kulit dari luar, sekaligus melembabkan dan menyihatkan kulit. Untuk menjaga kecantikan, kebersihan tubuh perlu dititik-beratkan, ditambah pula dengan minum air kosong 8-10 gelas sehari.

### Menyihatkan jantung

Air juga telah dikenalpasti dapat menyembuhkan penyakit jantung, reumatik, masalah kulit, penyakit saluran pernafasan, usus dan penyakit kewanitaan dan lainnya. Sehingga kini banyak perubatan alternatif telah memanfaatkan keberkasaan kaedah minuman air kosong ini.

### Menguruskkan Badan

Air kosong juga boleh menghilangkan kotoran-kotoran dalam tubuh melalui proses pembuangan air kecil. Bagi yang ingin menguruskan badan, minum air kosong sebelum makan (sehingga merasa agak kenyang) merupakan satu cara untuk mengurangkan jumlah pengambilan makanan. Tambahan lagi air tidak mengandung kalori, gula, ataupun lemak. Namun yang terbaik adalah minum air kosong pada suhu sederhana, tidak terlalu panas, dan tidak terlalu dingin.

### Kesuburan

Meningkatkan produksi hormon testosteron pada kaum lelaki serta hormon estrogen pada kaum wanita. Hasil penyelidikan dari sebuah lembaga penyelidikan trombosis di London telah menyatakan, jika seseorang itu selalu mandi dengan menggunakan air yang sejuk maka peredaran darahnya akan menjadi lebih lancar dan tubuh akan terasa lebih segar. Mandi dengan air sejuk akan meningkatkan pengeluaran sel darah putih dalam tubuh serta meningkatkan kemampuan seseorang terhadap serangan virus. Bahkan, mandi dengan air sejuk di waktu pagi dapat meningkatkan produksi



Ini baru berkisar pada pengaruh kekurangan air dalam darah apabila dikaitkan dengan organ buah pinggang. Bagaimana pula ceritanya dengan OTAK? Perjalanan darah yang pekat ini juga akan terjejas apabila melalui organ otak. Sel-sel otak merupakan sel yang paling banyak mengambil makanan dan oksigen yang dibawa oleh darah. Fungsi sel-sel otak tidak dapat berjalan secara optimum akibat darah pekat ini dan ianya boleh cepat mati. Keadaan ini akan mencetuskan penyakit strok (angin ahmar). Oleh itu kita wajib dan harus bertanggungjawab dalam memastikan tubuh badan kita yang telah dipinjamkan oleh MAHA Pencipta ini cukup pengambilan airnya. Jadual

**”Badan sihat,  
Hidup bahagia”**



### **Interaksi pada badan**

Sekiranya jumlah kadar kandungan air berkurangan dalam tubuh badan kita, fungsi organ-organ dalam tubuh badan juga akan berkurangan dan lebih mudah terganggu oleh bakteria, virus dan lain-lain. Perasaan haus pada setiap orang merupakan satu mekanisma normal dalam mempertahankan pengambilan air dalam tubuh. Air yang diperlukan oleh tubuh adalah lebih kurang 8 hingga 10 gelas sehari. Jumlah air yang diperlukan adalah termasuk air dari makanan contohnya dari kuah sup, soto dan minuman contohnya susu, teh, kopi, sirap dan lain-lain.

Air akan dikeluarkan dari tubuh melalui proses perpeluh dan jumlah air yang dikeluarkan tubuh melalui peluh ini adalah dalam anggaran 1 liter sehari. Sekiranya jumlah najis yang dikeluarkan oleh seorang yang sihat adalah dalam 50 – 400 g sehari, maka kandungan airnya adalah diantara sekitar 60-90 peratus berat najis tersebut atau sekitar 50 – 60 ml air sehari. Air yang terbuang melalui peluh dan pernafasan adalah maksima dalam 1 liter sehari. Ianya bergantung pada suhu udara persekitaran. Bagi seseorang yang demam, kandungan air dalam napasnya akan meningkat. Sebaliknya, jumlah air yang dihirup melalui pernafasan akan berkurangan akibat faktor kelembapan udara disekitarnya. Tubuh badan kita akan menurun prestasinya apabila kadar air berkurangan.

**”Mampu meningkatkan produksi hormon testosterone pada kaum lelaki serta hormon estrogen pada kaum wanita.”**

### **Kajian Pakar**

James M. Rippe telah menyarankan agar kita meminum air paling sedikit, seliter lebih banyak dari yang perlukan oleh perasaan haus kita. Ianya adalah kerana, kehilangan 4 peratus cecair saja akan mengakibatkan penurunan prestasi kita sebanyak 22 peratus. Harus diingatkan, setiap kehilangan air sebanyak 7 peratus akan mengakibatkan kita lemah dan lesu. Semakin banyak aktiviti yang kita lakukan, maka semakin banyak pula air yang dikeluarkan dari tubuh. Oleh itu, pakar kesihatan telah mengingatkan agar jangan hanya minum bila terasa haus.

**”Kebiasaannya, banyak minum, sama ada kita haus atau tidak, merupakan amalan yang sihat”**

Sekiranya bekerja dipersekutaran yang menggunakan alat penghawa-dingin, adalah dinasihatkan untuk minum lebih banyak air kerana udara yang sejuk akan menyebabkan tubuh cepat dehidrasi. Diruang yang suhunya tidak tetap pun disarankan untuk membiasakan minum air meskipun tidak terasa haus untuk memastikan keseimbangan suhu tubuh badan kita.

# Usability

Oleh : Maslita Abdul Aziz

We always ask our students to develop a system for their projects but little that we advise students on how the usability aspect of their system. We tend to forget that the users are interacting with electronic device; therefore the user will strive to learn to use the system. The word usability refers to how

well users can learn and use a product as well as how satisfied they are with that process. The late Steve Jobs is an icon to spread the usability concept which as he simply states on how to achieve it with - "starts with customer experience and we will work backward to the technology and find what incredible benefit can we give to the customers".

Hence, we know that usability is a quality attributes that measure user's experience when interacting with a system. Usability is a combination of attributes that includes:


- Ease of learning: How quick can the user understand the user interface to accomplish basic tasks?
- Efficiency of use: When the user has learned to use the system, how fast can s/he accomplish the tasks?
- Memorability: Can the user remember on how to use the system effectively after not using it for a period of time?
- Errors occurrence: How often does the user make errors, how serious are these errors and how do the users recover from these errors?
- Satisfaction: How satisfy does the user get when using the system?

## Usability

is essential to engage the user to use our system as user has a lot of options to choose from. Nowadays, it is very rare for the user to read the how-to manual for the system or figuring out what the user interface is telling to do. The how-to manual is getting simpler and simpler with less explanation. This is what Steve Jobs achieved with the highly admired ipad and iphone as the following is what Steve Jobs explain to Fast Company.

If you can't explain it simply, you don't understand it well enough.

— Albert Einstein



From the 1970s to the 1990s, if you opened up a new gadget, the first thing you faced was figuring out how the damn thing worked. You'd have to wade through piles of instruction manuals written in an engineer's alien English. But a funny thing happened with the iMac: Every year, Apple's instruction manuals grew thinner and thinner, until finally, today, there are no instruction manuals at all. The assumption is that you'll be able to tear open the box and immediately start playing with your new toy. Just watch a 3-year-old with an iPad. You're seeing a toddler intuit the workings of one of the most advanced pieces of engineering on the planet. At almost no time in history has that been possible.



# Berkebun di Rumah

Oleh: Dr. Wahidah Md. Shah



"Berkebun? Hmm, tak minatlah", "tangan panas, tak serasi dengan pokok, nanti pokok mati", "sibuk sangat, takde masa". Begitulah antara sebab kenapa saya tidak berkebun. Saya rasa ada juga orang lain yang berkongsi alasan tersebut. Namun, si suami lain pula. Dengan berbekalkan halaman rumah yang boleh dikatakan luas, kini rumah dihiasi dengan tanaman sayur-sayuran. Minat beliau untuk aktiviti bercucuk tanam amat tinggi sejak dahulu lagi.

Teringat semasa di UK dahulu. Kami tinggal di kawasan kediaman flat universiti. Suami mengambil tanah di bawah flat dan diletakkan di dalam pasu. Disebabkan cuaca yang sejuk, suami memanfaatkan ruang kecil di dalam rumah untuk menanam sedikit cili, dan tomato. Dapatlah kami merasa hasil tanaman sendiri. Walaubagaimanapun apabila pokok makin tinggi, suami terpaksa meletakkan pasu di luar kerana menganggu pergerakan kami di dalam rumah. Di luar, pokok tidak dapat bertahan lama dan akhirnya mati. Namun, kami puas menikmati hasilnya.

Berbalik dengan keadaan di Malaysia, suhu dan persekitaran amat baik untuk mengusahakan tanaman. Sejak kami berpindah ke rumah sendiri pada awal Januari lalu, suami aktif berkebun. Kini halaman rumah telah bertukar menjadi kebun mini. Setakat ini, tanaman seperti sawi, bayam, bendi, kacang panjang, timun, cili, daun bawang, dan jagung telah kami nikmati hasilnya. Alhamdulillah, ada beberapa hasil tanaman yang agak lumayan dan dapat dikongsi kepada ahli keluarga , jiran dan rakan-rakan.

Untuk masa akan datang, suami berhasrat untuk mewujudkan 'Mini PYO Farm' sendiri. Konsep PYO (Pick your Own) membolehkan pembeli untuk memilih dan memetik sendiri tanaman yang segar terus dari pokok. Namun, pembelinya hanyalah dari kalangan yang dikenali sahaja. Semoga usaha dan hasrat ini dapat direalisasikan.

Semoga perkongsian ini dapat memberi manfaat kepada sesiapa yang membaca. Manalah tahu, secara tidak langsung dapat memberi inspirasi kepada yang berminat untuk mengusahakan tanaman sendiri di rumah.





# Cikgu Muka Buku

Oleh : Farah Nadia Azman

Cerpen

**28 Februari 2045-** Semester baru bermula bagi kursus pra-siswazah di Universiti Teknologi Cemerlang Malaysia(UTCM). Suasana di Fakulti Sains Komputer dan Komunikasi lengang tanpa kehadiran pelajar. Kelihatan beberapa orang pensyarah menuju ke mesin **PunchMyCard** lalu mengimbas anak mata masing-masing. Sejak tahun 2031, para pensyarah telah biasa dengan rutin merekod kedatangan setiap 3 jam, menandakan mereka bertugas di kawasan universiti.

“Assalamualaikum, boleh saya tahu di mana bilik Dr. Safwan?” kumpulan pensyarah itu disapa oleh seorang pelajar perempuan bernama Balqis.

“Waalaikumussalam, kamu boleh guna **app UTCM Geo-AR** untuk cari bilik pensyarah sini,” jawab salah seorang dari pensyarah itu.

“Oh, begitu. Terima kasih,” Balqis memasang Ipad V16 dan kanta **4D AppGlass** lalu memuat turun aplikasi **Geo-AR**. Aplikasi *augmented reality* itu kemudian menunjukkan tanda arah ke bilik Dr. Safwan. Namun, Balqis agak terkilan kerana tidak sememana menerima kemaskini status dari akaun **MyMukaBuku.com** bahawa Dr. Safwan terpaksa menghadiri mesyuarat mengejut. Maka, tidak dapatlah Balqis bersemuka dengan Dr. Safwan.



Balqis sedar kesemua pensyarah pada zamannya adalah pemegang PHD. Maka tidak hairanlah mengapa koridor agak sunyi kerana kebanyakan dari pensyarah sibuk menjalani program *post doctorate* di lokasi lain.

Kecewa, Balqis melangkah menuju ke perpustakaan UTCM. Persekitaran jauh lebih hambar ibarat hanya pegawai bertugas sahaja yang menghuni di situ. Aplikasi **UTCM Lib** dilancar dalam Ipad V16 Balqis. Tidak berminat dengan buku-buku di kabinet mahupun *ebook*, Balqis beralih akses akaun **SiTweetnya**. Foto BFFAE (*Best Friend Forever And Ever*) baru ditwit oleh sahabatnya Lisa.


Belum sempat Balqis menyaksikan gambar yang lain, tiba-tiba dia menerima *update* dari Group **MyMukaBuku** subjek *Hyper Real Systems* bahawa **K-PopKuiz** (*knowlegde pop quiz*) bermula sekarang! Kelam kabut, Balqis menjawab soalan yang wajib dilengkapi melalui atas talian dalam tempoh 10 minit. Memang satu kelas sudah sedia maklum, Dr. Safwan telah memesan pop kuiz akan dijalankan pada bila-bila masa antara jam 9 hingga 3 petang.

Balqis mengeluh. Perisian **ExamHack V8** yang sangat digemari murid sekolah dan universiti telah disekat habis-habisan oleh kerajaan Barisan Pakatan Maju sejak tahun lalu. Akibatnya, sistem sekuriti kuiz online akan menghalang pelajar daripada membuka nota ketika aplikasi ujian berlangsung.

Selesai menjawab soalan, Balqis menyemak jadual. Sesi tutorial subjek *Distributed Database Design* bersama Prof. Madya Dr. Natasya pula bermula. Video simulasi latihan *Visual Basic* dimainkan. *Real time group chat* diaktifkan membolehkan perbincangan berlaku di samping para pelajar dikehendaki serentak meneroka perisian VB di tablet masing-masing. Aktiviti mereka dipantau oleh aplikasi **UniOBE** yang boleh melaporkan pencapaian *learning outcome* mata pelajaran tersebut. Aplikasi itu juga digunakan dalam audit MQA fakulti sejak 6 tahun lepas.

“Alamak, QRGS I kena *reject* lagi,” terkedu para pelajar dengan mesej yang dihantar Prof. Madya Dr. Natasya. Belum sempat sesiapa membalias, mereka menerima lagi mesej susulan dari pensyarah mereka. “Maaf, my students. Sepatutnya I hantar *that messege* to my colleague. Tersilap *submit*. My apology,”

Sejam kemudian, sesi tutorial ditamatkan. Sekali lagi, Balqis menerima *update* dari Dr. Safwan bahawa markah projek berkumpulan subjek *Game Engine* telah dikemaskini. Hasil projek pelajar tempoh hari dikongsi kepada umum. Terdapat pecahan markah di mana output tugas yang paling banyak mendapat undian *Like* oleh pengguna **MyMukaBuku** akan menerima markah bonus yang tinggi.



Status juga menunjukkan mesyuarat Dr. Safwan tadi telah selesai. Balqis bergegas semula ke bilik Dr. Safwan untuk menemuinya buat pertama kali. Balqis siap diimbas oleh mesin **MySihat** di pintu, memastikan dia bebas dari wabak yang berjangkit.

“Nak *discuss* berkaitan PSM? Kenapa tak **SkyHype chat** macam biasa?” soal Dr. Safwan. Keadaan separa janggal kerana mengikut amalan akademik bertahun-tahun, komunikasi pelajar dan pensyarah hanya dilakukan melalui alam maya.

“Sebenarnya, minggu lepas saya menonton sebuah dokumentari sejarah di **NowTube**. Video menayangkan bagaimana pembelajaran tradisional dibuat zaman dahulu,” hurai Balqis. “Pelajar mengikuti pelajaran dalam bilik kuliah dan berinteraksi dengan pensyarah. Sangat menarik sehingga saya teruja untuk mencuba sendiri bagaimana rasanya berhadapan dengan pensyarah saya,”

“Kamu tak pernah main *game SecondMalayaLife* ke? Bukankah kamu boleh merasai pengalaman di bilik darjah melalui permainan virtual tu?” cadang Dr. Safwan. Tidak dinafikan permainan itu mendapat sambutan hangat kerana suasana dan tindakbalasnya tersangat realistik dan pemain boleh berlakon memegang peranan sebagai sesiapa sahaja tanpa had.

“Benar, cuma..” Balqis tidak meneruskan kata-kata. Mungkin kerana kekok berdepan secara fizikal dengan pensyarahnya.

“Generasi manusia berubah perlahan. Suatu zaman dahulu, ketika kuliah atau sesi makmal, pensyarah akan bersyarah ataupun mengordinasikan aktiviti kelas,” Dr.Safwan berbicara. “Namun, semakin ramai pelajar gagal menumpukan perhatian kerana lebih berminat mencuri-curi bersosial di **MyMukaBuku.com** tanpa disedari pensyarah melalui telefon bimbit, komputer dan tablet masing-masing. Kuasa rangkaian sosial terlalu kuat. Bila seseorang itu log masuk, dunia sekeliling yang sebenar bagaikan tiada lagi makna baginya. Dalam alam maya, semua orang boleh tampil hebat, memaparkan foto yang terpilih, menyembunyikan kelemahan dan menceritakan kehidupan yang gah sahaja. Identiti diri yang paling sempurna dapat dijelmakan menerusi laman sosial,”

“Sebab itulah orang sungguh taksub dengan **MyMukaBuku**,” Balqis mulai faham.

“Kita tidak boleh menyalahkan pelajar. Kehidupan yang sempurna adalah fitrah dan impian setiap manusia. Dan ini dapat dicapai melalui rangkaian sosial. Kajian mendapati siswa dan siswi langsung tiada motivasi untuk menimba ilmu melainkan aktiviti akademik dikaitkan dengan **MyMukaBuku**. Kalau boleh, sesiapa pun tidak sanggup log keluar dari akaun rangkaian sosial walau sesaat pun,” tambah Dr. Safwan.

“Wow, zaman tu masih ada orang yang *log out* dari sistem? ” Balqis tergamam.

“Sedikit demi sedikit teknik pembelajaran lapuk diganti dengan menerapkan aktiviti akademik melalui rangkaian sosial,” sambung Dr. Safwan. “Sampai satu tahap, sistem pembelajaran berlangsung sepenuhnya melalui alam maya,”

“Adakah itu satu perkembangan yang baik?” Balqis bertanya.

“Baik itu subjektif. Dari segi tanggungjawab, memang ilmu berjaya dikongsi dengan pelajar walaupun melalui atas talian,” ulas Dr.Safwan. “Tetapi manusia semakin hilang jiwa. Kita terlalu mengejar matlamat yang nyata, yang boleh diukur. Tetapi untuk memastikan pelajar dan pendidik kita menjawai ilmu, nilai jati diri dan identiti sendiri, itulah menjadi cabaran terbesar kita sekarang,”

“Adakah ini bermaksud kita mesti berpatah balik?” Balqis menyoal. “Adakah kita perlu kembali ke sistem yang asal?”

**Bersambung..**

*Disconnected..*

*Reconnect..*Sambungannya bergantung kepada anda! Dunia fiksyen seperti cerpen, novel, filem, drama dan medium lain telah berubah format sejak tahun 2037 di mana penamatian cerita yang dibaca/ditonton akan ditentukan oleh anda sendiri agar kepuasan di penghujung menjadi milik anda. Tekan/Subut **Enter** untuk teruskan....

---

Cerita ini adalah rekaan semata-mata, tidak melibatkan mana-mana pihak sama ada yang masih hidup atau yang telah dijemput Yang Maha Esa. Sekian, terima kasih.



# Pelajar Kita



Oleh: Mohd Lutfi Dolhalit, Erman Hamid

Anda pernah tengok eseи yang ditulis oleh pelajar kita? Apa yang mereka hasilkan? Walaupun diberi tajuk yang sama tapi hasil setiap orang pasti berbeza. Walaupun diberi penerangan yang sama, namun hasil mereka tetap unik. Sebabnya, memang resmi kita manusia, rambut sahaja sama hitam tetapi hati tetap lain rasa. Tidak percaya? Cuba lihat kajian rambang ini.

Tajuk Karangan	'Budak Baik'	'Budak Problem'	'Budak Jiwang'
<b>Anda Sepasang Kasut</b>	Menceritakan kasut tersebut dipakai oleh tuannya yang miskin sampai masuk universiti. Kira berjasa besarla kasut tu.	Tengok kasut le... kalau murah buang, kalau tak lawa pakat rosakkan cepat2 biar dapat kasut baru	Kisah percintaan kasut yang mendapat tentang hebat kerana berlainan taraf. Namun kerana cintanya yang suci akhirnya disatukan juga.
<b>Kampung Anda</b>	Cerita tentang keindahan kampung, menolong datuk di sawah, menikmati hidangan cara kampung masakan nenek	Cerita tentang melastik burung, mandi lombong, curi ayam dan buah-buahan orang kampung	Ada awek/pakwe cun di sana yang membuatkan hati sentiasa tak sabar nak balik kampung bila bercuti.
<b>Tokoh Yang Anda Hormati</b>	Negarawan, sasterawan, sejarahwan, pahlawan, menteri... sentiasa bercita-cita menjadi seperti mereka.	Rambo, terminator, Dr Evil ...dan bercita-cita menjadi seperti mereka.	Aaron Aziz, Maya Karin, Lisa Surihani dan bercita-cita menjadi seperti mereka
<b>Pengalaman Yang Tidak Dapat Anda Lupakan</b>	Membantu mereka yang susah dan menderita dan bersyukur atas nikmat yang dikurniakan	Nyaris lemas ketika mandi di lombong, ditangkap cikgu masa ponteng	Pertama kali berjumpa si dia, pengalaman berdating, jatuh cinta dan putus cinta

Hairan bukan? Itulah hakikat, itulah kebenaran, itulah juga kenyataan Betapa kita ini memang kelihatan sama, tetapi natijahnya kita berbeza. Seperti resmi adik beradik, ibu ayah sama, dibesarkan dalam rumah yang sama, makan makanan yang sama, tetapi sifat dan perilaku mereka berbeza-beza. Kadang-kala, sangat ketara perbezaannya.

Itulah yang dapat kita perhatikan pada pelajar kita. Mereka telah diaturkan jadual yang sama, waktu kuliah yang sama, pensyarah yang sama, nota kuliah yang sama, malah pendekatan pengajaran yang sama, namun, hasil yang mereka persembahkan tetap tidak sama.

Mereka berbeza personaliti, sangat berbeza sebenarnya. Mereka datang dari pelbagai sumber dan sejarah yang berbeza. Justeru, mereka berfikir dan bertindak dengan kaedah dan hasil akhir yang juga sangat-sangat berbeza. Jika kita beri mereka A, adalah biasa untuk mereka lahirkan kembali A, atau mungkin A+, B+, B, C malah F sekalipun.

Justeru, kita sebagai pihak yang m dari atas perlu sepatutnya sedar dan faham dalam-dalam hakikat ini. Kita perlu sangat peka dengan sikap, sifat, kemampuan, daya upaya dan cara fikir mereka. Kita mahu mereka semua cermerlang, itu memang ya, tapi bukan kuasa dan hak kita untuk menentukan mereka cemerlang semuanya. Kita perlu belajar terima hakikat, mereka memang unik dan pelbagai. Memang lumrah mereka bertindak balas dengan pelbagai kesan akhir yang kadang kala tidak terfikir langsung akan kita. Mereka memang sedia cemerlang dengan gaya masing-masing. Itulah keistimewaan setiap mereka, dan mereka itu pelajar kita.

# Kepimpinan Menurut Perpektif Islam

Engr. Imran Mohd Ibrahim

## Pendahuluan

Seringkali timbul perbalahan di sana sini mengenai penguasaan kerusi kepimpinan dalam sebuah organisasi. Perbalahan ini bukan hanya sekadar berlaku diperingkat kampung, malah juga berlaku diperingkat negara dan antarabangsa. Banyak nyawaterkorban dan ramai yang menderita akibat perbalahan kerusi kepimpinan dalam sebuah komuniti. Di universiti, fenomena ini juga bukan suatu yang asing. Malah ia berlaku kadangkala dalam suasana "professional" dan kadangkala dalam keadaan yang agak memuaskan. Artikel ini akan memfokus mengenai kepimpinan dan tanggungjawab dalam sebuah institusi pengajian tinggi dari perspektif Islam. Mudah-mudahan ianya memberi manfaat untuk semua.

**Persoalan** yang harus dijawab oleh mereka yang berhajat kepada jawatan kepimpinan di universiti adalah:

- Adakah aku mahu menyandang jawatan disebabkan elau bulanan yang disediakan ?
- Adakah aku mahu menyandang jawatan ini disebabkan kelebihan yang ada pada jawatan tersebut ?
- Adakah aku mahu menyandang jawatan ini disebabkan parkir berbungung ?
- Adakah aku mahu menyandang jawatan ini sebagai batu lonjatan untuk kemajuan kerjaya aku ?
- Adakah aku mahu menyandang jawatan ini disebabkan dapat mendekati VVIP dalam universiti ?
- Pelbagai persoalan yang boleh ditimbulkan dan hanya anda sendiri tahu jawapannya. Namun harus diingat, setiap posisi kepimpinan punya tanggungjawab tersendiri dan ianya pasti dinilai dan dibalasi oleh Allah SWT di akhirat nanti.



**Pelbagai** persoalan yang boleh ditimbulkan dan hanya anda sendiri tahu jawapannya. Namun harus diingat, setiap posisi kepimpinan punya tanggungjawab tersendiri dan ianya pasti dinilai dan dibalasi oleh Allah SWT diakhirat nanti.

Menurut perspektif Islam, kepimpinan adalah suatu usaha untuk membawa manusia supaya redha kepada Allah SWT dan ajaran Rasulullah SAW. Tidak kira apa nama jawatan, organisasi dan posisi dalam kepimpinan, elemen membimbing ke jalan yang direhdai-Nya adalah menjadi asas tanggungjawab seorang pemimpin. Apa sahaja yang dilakukan orang orang bawahan, kalau sekiranya pemimpin itu sedar akan kepincangannya dan dia tidak menegur kepincangan tersebut, maka pemimpin itu turut sama menanam saham dalam kepincangan tersebut. Apatah lagi kalau dia merelakan atau turut sama dalam kepincangan tersebut; maka besar lagilah saham yang ditanam.

Sebagai seorang pemimpin disebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT), maka ia haruslah bermula dengan kualiti daya kepimpinan yang mencakupi sifat amanah, timbangrasa, tanggungjawab, membenarkan yang benar dan menolak yang batil serta punya penghayatan ilmu yang tinggi. Oleh itu, apabila Rasulullah bakal diangkat sebagai pemimpin, maka baginda disediakan dengan ilmu terlebih dahulu melalui Malaikat Jibril a.s. Ini kerana, setiap yang bergelar pemimpin, wajib punya sifat dan corak kepimpinan mestilah bersandarkan ilmu. Malah, ayat Al-Quran yang pertama diajarkan kepada Rasulullah adalah berkaitan dengan ilmu:

"Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan sekalian makhluk. Ia menciptakan manusia daripada seketul darah beku. Bacalah dan Tuhanmu amat pemurah yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya."

Maksud: Surah al-Alaq 96:1-5

## Memiliki Sahsiah Yang Baik

Seorang pemimpin mestilah mempunyai sahsiah dan akhlak yang baik. Ini kerana dirinya, tutur kata dan tindak-tanduknya akan menjadi ikutan kepada anak buahnya. Maka sebab itu Rasulullah berusaha menjaga kualiti diri agar menjadi contoh ikutan yang baik oleh pengikutnya. Sering juga kita dapat sekelompok manusia mempunyai akhlak yang buruk dan apabila diselidiki ketuanya, maka kita dapat kelompok manusia ini dipimpin oleh ketua yang mempunyai akhlak yang buruk. Maka sebab itu, menjaditanggungjawab staf universiti terutamanya pengurusan tertinggi universiti untuk memastikan pemimpin yang dilantik samada untuk mengetuai fakulti atau unit-unit tertentu dalam universiti mempunyai akhlak yang baik sejajar dengan ketinggian martabat universiti sebagai pusat keilmuan.

## **Berani Menanggung Risiko**

Kepimpinan yang cemerlang sangat berkait rapat dengan sifat keberanian untuk mencuba dan mengambil risiko. Namun, keberanian ini haruslah bersandarkan pertimbangan rasional dan ilmu. Sifat ini pasti mendorong seorang pemimpin itu untuk meneroka bidang-bidang baru dan mencabar. Allah SWT telah menjamin kejayaan kepada mereka yang melakukan kerja dengan tekun dan mengikut prosedur:

“Allah tidak hendak menyulitkan kamu, tetapi Dia hendak membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmat-Nya bagimu, supaya kamu bersyukur.”  
QS. Al Maa’idah : 6

## **Keterbukaan**

Seorang pemimpin seharusnya sentiasa terbuka dan bersedia untuk mendengar, menerima pandangan, berbincang dan mengamalkan pentadbiran dengan cara muafakat dan mesyuarat. Pemimpin yang mempunyai sifat ini akan menjadi seorang yang pemurah apabila memiliki harta dan dapat mengawal diri daripada berhadapan dengan tuntutan nafsu, sabar dalam menempuh dugaan. Pemimpin sebegini pasti akan terselamat daripada godaan nafsu dan pengaruh persekitaran yang menyeleweng dan dirinya sentiasa berjuang untuk mendapat kesempurnaan.

Namun, tidak dinafikan akanada ketikanya seorang pemimpin perlu membuat keputusan sendirian dek kerana situasi yang kritikal dan mendesak. Maka pada keadaan ini, keputusan segera harus dibuat berdasarkan penilaian terbaik dan bermohonlah kepada Allah agar keputusan itu akan memberi kesan yang baik. Walaubagaimanapun, memimpin organisasi dengan gaya “pasar malam” yang tidak teratur dan tidak berperancangan pasti mengundang banyak suasana ad-hoc dan kritikal. Ini bakal mengundang banyak keputusan eksklusif dan ianya sangat tidak baik kepada organisasi.

## **Pemimpin Untuk Semua**

Apabila anda dilantik menjadi pemimpin bagi sebuah kerusi kepimpinan, anda bukan hanya menjadi pemimpin kepada diri sendiri dan kawan-kawan. Malah anda menjadi pemimpin kepada seluruh warga yang berada didalam organisasi anda. Maka atas sebab itu, setiap keputusan dan pertimbangan haruslah berdasarkan atas kepentingan bersama dan bukannya menyenangkan individu tertentu dalam organisasi anda. Disinilah kualiti diri anda akan diuji. Disini juga anda mungkin kehilangan beberapa kawan anda dan menerima beberapa kawan yang baru. Sebahagian daripada kawan yang telah bersama anda pasti mengharapkan kelebihan daripada kerusi kepimpinan anda. Sekiranya anda memberi kelebihan kepada mereka dengan mengabaikan merit orang lain, anda sebenarnya telah menzalimi diri anda dan diri orang yang lebih layak. Namun, sekiranya anda menolak harapan kawan anda tadi atas kepentingan ramai, maka beliau akan menjauhkan diri daripada anda dan mungkin tidak akan mesra lagi dikemudian hari.

## **Mampu Memandu Masa Depan**

Seorang pemimpin yang baik seharusnya berupaya untuk melihat masa hadapan, merancang dan menstrategi perancangan serta memandu seluruh warga dibawahnya untuk bergerak kearah yang lebih positif. Dalam hal ini, seorang pemimpin mestilah berupaya menjadi motivator yang baik kepada anak buahnya. Malah, Rasulullah SAW sendiri digambarkan sebagai seorang motivator yang baik sepertimana didalam Al-Quran:

“Dan tidaklah kami mengutuskanmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang yang beriman) dan pemberi amaran (kepada manusia yang ingkar); akan tetapi kebanyakkan manusia tidak mengetahui hakikat ini.”  
Maksud: Surah Saba’ 34:28

Seorang motivator yang baik tidak sekadar hanya memberi rangsangan dan harapan kepada anak buahnya, malah dia perlu juga memberi amaran agar anak buahnya menjauhi amalan-amalan yang bertentangan dengan nilai moral dan keluhuran akhlak. Seringkali sebuah organisasi menjadi huru-hara dek kerana tidak mempunyai perancangan yang tertatur, tidak jelas dan tidak berdaya maju. Terdapat juga pemimpin yang ingin menonjolkan dirinya dengan mencari dan mewar-warkan kelemahan orang lain. Hal ini dilakukan hanyalah semata-mata pemimpin sebegini ingin kelihatan hebat padahal beliau tidak melakukan apa-apapun. Ianya sangat jelak pada pandangan masyarakat dan anda haruslah menjauhi sifat sebegini agar anda benar-benar sesuai digelar pemimpin dalam sebuah institusi keilmuan.

## **Kesimpulan**

Kepimpinan merupakan satu amanah daripada Allah SWT kepada manusia untuk tujuan bukan sekadar memakmurkan bumi ini, malah lebih penting adalah untuk memimpin makhluk Allah agar tunduk dan patuh pada suruhan-Nya. Justeru itu, seseorang pemimpin haruslah mempunyai ciri-ciri yang sesuai seperti akhlak yang tersohor, berkeperibadian yang tinggi, berani bertanggungjawab dan mempunyai misi dan visi yang jelas terhadap kepimpinannya. Pemimpin yang baik akan mendapat redha Allah SWT dan mudah-mudahan diberi keampunan dan kerahmatan oleh-Nya. Pemimpin yang korup pasti akan ditolak oleh masyarakat apatah lagi dalam sebuah institusi pengajian tinggi, dimana budaya keilmuan seharusnya mendasari tingkah dan perilaku warganya.

**"Kalaolah dalam marah pun ada kasih sayang Tuhan, sudah tentulah di waktu Dia tidak marah, kasih sayang-Nya sangat dapat kita rasakan"**

# Dalam marah pun ada Kasih Sayang

Oleh: Al-Hikmah

**Inginkan** kasih sayang merupakan fitrah bagi setiap manusia. Bahkan haiwan juga turut memerlukan kasih sayang. Tapi manusia hari ini tersangat memikirkan dan sering menagih kasih sayang sesama makhluk tanpa memikirkan betapa tinggi dan besarnya kasih sayang Tuhan. Bagaimana kasih sayang Tuhan itu dapat kita rasai? Kalaolah kita umpamakan seorang majikan dengan pekerjanya, sekiranya sebelum pekerja bertugas, dia sudah diperkenalkan dengan kebengisan majikan, sudah barang tentu dia akan bekerja dengan penuh ketakutan. Takut kena marah, takut kena buang dan sebagainya. Lama kelamaan perasaan ini akan menimbulkan rasa benci di hatinya terhadap majikan itu. Bila hati rasa benci, mana mungkin kasih sayang wujud, menyubur jauh sekali.

Begin juga kita dengan Tuhan. Sistem pendidikan kita sejak awal lagi telah membawa kita untuk mengenal Tuhan itu sebagai Maha Menghukum, Maha Murka. Dari kecil lagi jiwa kita telah dipasak supaya berbuat sesuatu agar kelak kita tidak akan disekska oleh Tuhan. Ungkapan biasa kita dengar; "Kalaolah kita tak sembahyang, nanti Allah akan humban dalam neraka." "kalaolah kita tak puasa, nanti Allah bakar dalam jahanam". Akhirnya kita dibesarkan dalam suasana melaksanakan perintah Tuhan dengan penuh rasa ketakutan dan gerun sahaja. Rasa yang tertanam ini akhirnya menutup keagungan kasih sayang Tuhan yang meliputi langit dan bumi, melebihi kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya, malah kasih sayang Tuhan tidak pernah sama sekali putus.

**Mari** kita lihat, bagaimana sayangnya Tuhan pada hamba-Nya – sangat tiada tandingan, sangat berbeza dengan kasih sayang sesama manusia. Misalnya, ketika seorang manusia marah, maka dia akan mengherdik malah lebih teruk lagi memukul manusia lainnya. Selepas itu permusuhan tercetus yang mungkin selama-lamalah kedua pihak manusia itu bersengketa. Namun, cuba pula kita lihat bagaimana kalau Tuhan marah. Kalaolah Tuhan marahkan seseorang, dia akan timpakan kemalangan atau kesusahan, adakalanya kita takrifkan sebagai bala. Lalu manusia itu akan merasakan kesakitan atau kesedihan. Dan akan didorongnya manusia ini untuk mengadu dan meminta pertolongan daripada-Nya.

Sedarkah kita, lazimnya permintaan ketika kita kesusahan lebih mustajab berbanding ketika kita dalam kesenangan? Itu tanda sayang Dia pada kita, diberinya kita kesulitan supaya kita akhirnya datang menghadap untuk memohon. Lantas kita meratap dan merayu akan keampunan dari-Nya. Tidakkah kita sedar, dilakukan semua itu hanya kerana Dia sayangkan kita? Dia tidak mahu kita terus-menerus berbuat maksiat. Jadi, rupa-rupanya marah Tuhan itu disertai dengan kasih sayang. Kalaolah dalam marahnya pun terlontar kasih sayang yang bukan sedikit, sudah tentulah di waktu Dia tidak marah, kasih sayangnya melimpah-limpah sehingga tiada batas-batasnya. Bahkan, sedarkah kita, betapa banyaknya yang tidak pernah kita minta, tetapi telah Tuhan beri? Tidak sedarkah kita?

**Mata**, telinga dan segala anggota badan kita pemberian siapa? Tidak sedarkah kita betapa sempurnanya kita berbanding makhluk lain ciptaan-Nya? Oksigen yang kita hirup setiap hari, Tuhan berikan secara percuma tanpa perlu kita berdoa saban detik meminta dibekalkan kita dengannya. Tidak pernah kita meminta supaya bulan tetap menerangkan malam, tidak pernah kita meminta supaya matahari terus memberi tenaga setiap pagi. Semuanya telah Tuhan beri tanpa kita perlu meminta-minta. Kerana apa semua itu? Sedarkah kita, semua itu berbangkit dari kasih dan sayang Dia kepada kita? Bukankah kita dapat semuanya secara percuma tanpa perlu meminta-minta? Bukankah jika ianya kita manusia, kita hanya tergamacam memberi sesuatu secara percuma hanya kepada sesuatu yang kita sayang sahaja? Itu tanda Dia sayang kita! Dia tidak pernah berhenti memberi walau kita tidak pernah meminta!

**Sayangnya** Tuhan kepada kita, sekalipun kita ini menderhaka pada perintah-Nya, Dia tetap mencurahkan kasih dan sayang-Nya. Pernah Nabi Ibrahim dipohon pertolongan oleh seorang Majusi, sejurus diketahui Ibrahim bahawa yang memohon itu adalah penyembah api, Nabi itu tidak mahu membantu. Dengan rasa sedih beredarlah si Majusi, sejurus itu juga Allah menurunkan wahu "Wahai Ibrahim, kenapakah engkau tidak membantu Majusi yang dalam kesusahan tadi, sedangkan aku telah memberi rezeki kepadanya selama 40 tahun walaupun dia kufur kepada-Ku". Mendengar itu, Nabi Ibrahim lantas berkejaran mencari si Majusi dan memohon ampun lantas membantu dengan penuh ikhlas.

Baginda menerangkan kepada si Majusi akan teguran Tuhan pada dirinya, dan kesan kasih sayang Tuhan yang tidak terhingga, si Majusi tadi terkesan lantas mengucapkan syahadah.

Bila mengenangkan kasih sayang Tuhan, terasa sungguh diri ini lemah. Benar-benar terasa akan tidak berterima kasihnya kita atas segala kasih sayang Dia. Rasa berterima kasih inilah yang kita namakan rasa kehambaan. Rasa kehambaan yang akhirnya mendorong kita untuk melaksanakan apa sahaja perintah-Nya dengan hati yang rela dan gembira, bukan kerana takut akan azab dan murka Dia semata-mata.

Dear Professor Dr. Hj. Shahrin bin Sahib @ Sahabuddin,

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Congratulations,** We are very pleased to hear that you have been offered a position at KPT. You have our heartfelt, congratulations in your new position. We are very sure that these are exciting changes in your career development, and we are very sure that you will meet the challenges they bring with your usual optimism and capability. We wish you all the best as you move forward in your new career. We believe you will achieve more in your life, continue to shine and always be a good role model to all of us in FTMK.

**Betapa kami bersyukur** dapat mengenali seorang Prof. Dr. Shahrin, yang acapkali tegurannya berbisa dan bernada sinis, tetapi hakikatnya bicaranya berbau nasihat dan peringatan. Pantun yang diselitkan dalam ucapannya juga berunsur puitis dan mendalam maksudnya. Pernah juga ingin kami berperibahasa bahasa dengan Prof, kyonnya ingin jemput mulut untuk Prof. menghadiri majlis penutup sesuatu majlis, akibat tersalah sebut, ianya menjadi bahan ketawa sesama kita. Untuk Prof. Dr. Shahrin, terima kasih atas segala teguran dan nasihat selama ini. Juga segunung kemaafan dari kami andai ada gurau senda yang tak bersesuaian yang pernah terucapkan.

**Mantan Dekan kesayangan kami ini** dalam sebuah ceramah motivasinya, pernah berkata:

"1000 tahun lagi, Ruh kita jadi apa?" Betapa begitu terkesannya kami dengan gesa dan lontarannya.

Prof Dr. Shahrin lantas menambah;

"Kita kena fikir, barulah hidup kita TERPANDU, apa akan jadi dengan Ruh kita 10 tahun akan datang, malah 100, 000 tahun akan datang? Ruh kita akan hidup jauh lebih lama daripada jasad. Maka, kita haruslah menjaga makanan ruhani kita jauh melebihi makanan jasmani. Makanan rohani bekalan untuk hidup yang kekal. Sedang jasad kita? Akan hancur entahkan bila."

Terima kasih Prof, atas nasihatmu, akan kami simpan, renung dan amalkan. Sesungguhnya, ianya amat bermakna dalam harakian hidup kami selama-lama.

**Our Dear Prof,** A note of thanks is never enough to express our appreciation for the time and effort you have paid on grooming us and the faculty to what we are now. Today, you are leaving on a high note, signing off as Dean of FTMK but not as our excellent teacher. You are always there in our heart as our great teacher forever. We know you will always be a near and dear mentor simply because you have so much to offer as a role model. Thank you for your passion on FTMK. We wish you well and good luck for your new position. We are losing a great dean but gaining a great mentor.

**Prof. Dr. Shahrin yang kami sayangi,** syukur kerana Allah s.w.t. telah tentukan dengan meletakkan insan yang bagi kami adalah yang **TERBAIK** dalam menerajui FTMK selama ini. Bukanlah satu tugas yang senang untuk meletakkan FTMK pada tahap sekarang. Dan itu yang Prof. telah lakukan dengan cemerlang. Prof. telah pergi, namun kami akan tetap setia di sini, mencurahkan khidmat bakti mendidik anak bangsa dan menaikkan nama fakulti mengikut landasan dan acuan Prof. Itu janji kami!

### Nota:

Perkataan ini adalah hasil gabungan bait-bait ayat warga FTMK yang disatukan menjadi sebuah Warkah sangat bermakna untuk Mantan Dekan yang disayangi Prof. Dr. Hj . Shahrin Hj Sahib @ Sahabuddin.

# Surat Untuk Prof Shahrin

**Alhamdulillah,** kami bertuah berada di kalangan yang dapat berinteraksi dengan seorang insan bernama Prof. Shahrin. Terlalu banyak nasihat dan kata-kata semangat yang diberikan. Prof. yang merupakan ketua dan kawan yang suka menolong, sehingga adakalanya kami rasa malu mengutarakan masalah. Prof. sering menekankan supaya sentiasa meminta pertolongan daripada Allah umpamanya dengan mengamalkan doa Rabbi Yassir Wala Tuassir... Bak kata Prof, nak cari *parking* pun bacalah doa ini. Dan antara nasihat yang kami rasa sukar untuk dilaksanakan adalah nasihat Prof supaya kita mencari kelebihan daripada kekurangan seseorang kerana kita saling perlu dan memerlukan.

### Dear Prof. Dr. Shahrin,

**You're** not only our Boss, but you are perfectly more than that.

What would we do without you? Who else has the patience to deal with miscellaneous people passing in and out your office all day and hundreds of random requests? We are very lucky to have you in our faculty. We hope you know how much we appreciate your leadership and tolerance.

Pisang emas dibawa belayar,  
Masak sebiji di atas peti,  
Hutang emas boleh dibayar,  
Hutang budi kami bawa mati.

Pulau Pandan jauh ke tengah,  
Gunung daik bercabang tiga,  
Hancur badan dikandung tanah,  
Budi Prof. kami kenang jua.

Pucuk pauh delima batu,  
Anak sembilang di tapak tangan,  
Sungguhpun jauh di Putrajaya nun,  
Hilang di mata di hati jangan.

Kalau ada sumur di ladang,  
Boleh kita menumpang mandi,  
Kalau ada umur yang panjang,  
Boleh kita berjumpa lagi.

### Yg Berbahagia Prof. Dr. Shahrin yang kami hormati,

Terima kasih atas segala tunjuk ajar dan teguran yang membina kepada kami selama ini. Di kesempatan ini kami merafak tangan memohon ribuan ampun dan maaf andaikata sepanjang interaksi kita selama ini terdapat perkataan dan perbuatan yang menyenggung perasaan. Doakan kami terus kuat berjuang demi kejayaan FTMK.

Dari kami,  
Warga FTMK  
Mei 2012

# Prof. Dr. Shahrin Hilang Di Mata, Dekat Di Hati

Dari Hulu mudik ke Daik  
Sehari-hari menanam pisang  
Budi Prof Shahrin jelas terbaik  
Dalam hati dikenang-kenang

Tinggi tinggi pohon kelapa  
Terbit bunga pucuk mati  
Professor Shahrin kami tak lupa  
Sudah terpaku di dalam hati

Jerit menjerit sahut menyahut  
Terlihatkan bot dari tanjung  
Hati terkenang mulut menyebut  
Budi baik rasa nak junjung

Kapal belayar dari Arakan  
Ambil gaji jadi jemudi  
Mati ikan kerana umpan  
Mati kami kerana budi

Lipat kain lipat baju  
Lipat kertas dalam puan  
Dari air menjadi batu  
Sedikit tak lupa budi tuan

Tingkap papan kayu bersegi  
Sampan sakat di Pulau Angsa  
Indah Prof Shahrin kerana budi  
Menjadi kenangan selama-lama

Pergi ke sawah menanam padi  
Singgah didenai menangkap cemara  
Karisma Prof Shahrin mengunung tinggi  
Menjadi idola kami semua

Bunga melati di atas sana  
Bunga seroja di tepi perigi  
Hebat Prof Shahrin dek sifatnya  
Menjadi ikutan seluruh fakulti

Bunga Cina di atas batu  
Jatuh daunnya memenuhi ruang  
Kami doakan Prof Shahrin terus maju  
Semoga makin tambah terbilang

Anak angsa mati lemas  
Sesak bernafas di air masin  
Hilang Prof Shahrin kami cemas  
Semoga tak lama, kembali  
memimpin

Anak punai Kampung Angsi  
Singgah berhenti kepala titi  
Pergi Prof Shahrin kami tangisi  
Semoga nanti ketemu lagi

FTMK  
Mei 2012

